JILID 31 BILANGAN 3 OKTOBER 2014 DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SABAH

Wadah

Meningkatkan Apresiasi Sastera



Bulan Bahasa Kebangsaan: Menyemarakkan Semangat Jati Diri Bangsa Malaysia

Transisi Bahasa: Kejayaan dan Cabaran

ISSN 0127-09653

BULAN BAHASA KEBANGSAAN

1 BAHASA BANGSA NEGARA

PUISI

Bahasa

Bahasa pendinding yang kekal dan kental dalam mendepani zaman,
bahasa pakaian diri yang sebati melingkari peribadi membetulkan erti budi,
duhai bahasa singgahlah walau seketika meniupkan obor semangat bangsa, dan
berlari menerpa badai yang datang menyusup ke ruang rongga muhasabah
tidak terperi rasa menebal memaut seketul perasaan warga agar menyanyi dengan
bahasa, duhai bahasa bertakhtalah sepanjang masa menjadi bekal untuk diwarisi
generasi mendatang betapa harga sebuah bahasa yang dipertahankan buat warisan
zaman-berzaman.

Duhai bahasa mengertilah rintihan ini untuk dirimu dikenang, dan pujian bukan
datang dari masa silam, sekadar pedoman dan pegangan hingga ke akhirnya.

Norza

Pengarah
Hajah Asmiah Haji Ajamain
(asmiah@dbp.gov.my)

Ketua Editor
Norjanah Yusof
(norjanah@dbp.gov.my)

Editor
Muziat Yusuf

Timbalan Editor
Mohd. Almiey Mohd. Ali

Jurufoto
Logiman Juakim Gamad

Pentadbiran
Debbie Benjamin
Hassan Hussin

Ketua Pengarah
Datuk Dr. Haji Awang Sariyan

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
Prof. Dr. Haji Zaharani Ahmad

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Kamarul Zaman Shaharudin

Wadah diterbitkan sejak Oktober 1986. Hak Cipta Terpelihara. Karya yang dikirimkan kepada *Wadah* hendaklah merupakan tulisan sendiri, dan belum pernah disiarkan di mana-mana media cetak. Karya yang tersiar boleh diterbitkan semula dengan syarat mendapat izin bertulis daripada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah. Sidang Editor berhak menyunting karya yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat atau pendirian *Wadah*. Segala sumbangan yang dikirimkan tidak akan dikembalikan. Sidang Editor juga tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan karya yang dikirim.

Apabila mengirimkan sebarang karya, sila catatkan nama sebenar (di samping nama pena, jika ada), nombor kad pengenalan, alamat surat-menyurat yang tepat dan lengkap dengan poskod. Tanpa maklumat ini, karya yang dikirim kepada kami tidak akan disiarkan. Sila alamatkan karya anda kepada:

Editor ***Wadah***,
Unit Penerbitan, DBP Cawangan Sabah,
Beg Berkunci 149, 88999 Kota Kinabalu.

DICETAK OLEH
Percetakan Bunga Raya Sdn. Bhd.,
Lot 50-A, Hiong Tiong Industrial,
Lorong Buah Salak 5, 11.2 km. Jalan Tuaran,
P.O.Box 20148, 88758 Luyang, Kota Kinabalu, Sabah.
Tel.: 088-387214 Faks.: 088-384214 E-mel: pbrayakk@gmail.com

REKA BENTUK KULIT DAN REKA LETAK HALAMAN
Percetakan Bunga Raya Sdn. Bhd.

KANDUNGAN

DARIPADA KETUA EDITOR
Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta 5

FOKUS

Bulan Bahasa Kebangsaan: Menyemarakkan Semangat Jati Diri Bangsa Malaysia 6
Hajah Asmiah Haji Ajamain

Selayang Pandang Bulan Bahasa Kebangsaan 2014 8
Noorzanani Haji Kata

Imbasan Bulan Bahasa Kebangsaan 2013 Peringkat Negeri Sabah 10
Muziat Yusuf

RENCANA

Transisi Bahasa: Kejayaan dan Cabaran 12
Jamdin Buyong

PUISI

Bahasa ii
Norza
Kita dan Ketam Batu 22
Ramzah Dambul
Inspirasi 22
Ruhaini Matdarin
Kad 29
Mariam Omar
Saat Aku Jadi Pengantin 37
Norgadis Labuan
Aksara 37
Aida Ar
Sesekali 44
Lailah Elok
Mulanya Kehidupan Bukan Pengakhiran 50
Khair Hudsufi
Luka 50
Ara Aranam
Pulanglah Sebuah Hayat 58
Noor Aisah Maidin
Sungai Hayat 58
Jair Sulai

CERPEN

Apabila Takdirnya 23
Sitti Rahmah G. Ibrahim
Rahsia *Emmak* 30
Noraini Osman
Di Penghujung Senja 38
Rozeline Vitalis

ANALISIS PUISI PILIHAN

Kuasa Kata, Kuasa Rasa 45
Zaiton Ajamain

ANALISIS CERPEN PILIHAN

Tema Primer dalam Sastera 47
S.M. Zakir

KEGIATAN

Seminar Antarabangsa Pengajian Melayu 2014 51
Rusdi Awang
Simposium Penulis Wanita Sabah 2014 "Wanita Pendukung Aspirasi Negara" 52
Noorzanani Haji Kata
Bengkel Penyediaan Novel Kanak-kanak 54
Faridah Abdul Hamid

ULASAN BUKU

Pemasyarakatan Sastera dan Remaja dalam Kalangan Kanak-kanak dan Remaja 56
Khairunnisa A.S

Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta

Pada 31 Ogos 1957, lahirlah sebuah negara yang kelahirannya adalah daripada persefahaman, jalinan kerjasama dalam kalangan pelbagai kaum dan penganut agama. Malah usaha ini turut dirangkumi oleh komponen lain, iaitu empat buah Negeri Bersekutu, lima buah Negeri Tidak Bersekutu, dua buah Negeri Selat, Raja-raja dan rakyat bersuara untuk mengorak langkah dan matlamat membina sebuah negara merdeka. Maka pada tarikh keramat itu dalam gegak-gempita laungan 'Merdeka! Merdeka! Merdeka!', lahirlah sebuah negara merdeka.

September, satu lagi tarikh keramat mewarnai negara kita. Pada 16 September 1963, Persekutuan Malaysia dirasmikan penubuhannya serta diisytiharkan oleh Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj, Perdana Menteri yang pertama pada ketika itu. Pengisytiharan dilaksanakan di Stadium Merdeka dengan disaksikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja Melayu, Gabenor Pulau Pinang, Melaka, Sarawak serta Sabah, disaksikan oleh 30,000 orang rakyat jelata. Negara Malaysia tidak terbina dengan sekelip mata, sebaliknya terlalu banyak usaha, ikhtiar dan pengorbanan telah dicurahkan sebelum akhirnya impian tersebut menjadi kenyataan.

Oktober mencatat satu lagi peristiwa bersejarah apabila sejak tahun 2009, kerajaan Malaysia telah menetapkan bahawa bulan ini sebagai Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK). Gerakan ini yang pada awal kewujudannya pada tahun 1999 dinamai sebagai Bulan Bahasa dan Sastera Negara (BBSN) dilaksanakan khusus untuk kempen meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap penggunaan bahasa yang kian memudar dalam kalangan masyarakat. Di samping itu, BBK ini juga bertujuan untuk memantapkan, memperkukuh dan mempamerkan jati diri dan citra bangsa Malaysia.

Ketiga-tiga bulan penting ini berkaitan langsung dengan tema BBK “1Bahasa, 1Bangsa, 1Negara”, yang juga berkaitan secara langsung dengan Dasar Bahasa Kebangsaan yang membentuk satu bangsa Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan keturunan. Keunikan negara kita sebagai sebuah negara yang berbilang kaum, kepercayaan, amalan, pegangan agama dan latar belakang kehidupan disatukan dengan satu bahasa, iaitu Bahasa Kebangsaan. Perlembagaan telah menyatakan teras untuk menyatupadukan antara kaum di Malaysia adalah melalui bahasa. Perlembagaan adalah dokumen pegangan cinta kepada negara ini, dan dokumen yang mempertahankan kedaulatan negara. Ini tertulis dalam ucapan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Mahathir Mohammed dalam Majlis Pelancaran Wawasan 2020:

“Bangsa Malaysia adalah bangsa yang bangga menjadi warga Malaysia, menjunjung ketinggian Perlembagaan dan fasih berbahasa Melayu”.

Sekali lagi bahasa Kebangsaan sebagai bahasa penyatuan ditegaskan. Di samping itu, amalan setiap rakyatnya, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing menyumbang kepada antara negara yang termaju. Walaupun menghadapi cabaran dan kekurangan, tetapi nikmatnya mewujudkan jati diri yang jitu kepada warga yang bangga dengan Malaysia.

Di sinilah cinta sebagai seorang warga seperti dalam persetujuan bersama semasa memulakan pergerakan kemerdekaan, iaitu berkaitan dengan agama, bahasa kebangsaan, hak istimewa dan institusi Raja-raja Melayu. Jangan ada anasir yang membolak-balikkan rasa cinta kita sebagai warga Malaysia yang sentiasa mempunyai tanggungjawab kepada negaranya. Selamat menyambut Hari Merdeka, Hari Malaysia, dan Bulan Bahasa Kebangsaan.

Salam '1Bahasa, 1Bangsa, 1Negara'.

Norjanah Yusof

Bulan Bahasa Kebangsaan: Menyemarakkan Semangat Jati Diri Bangsa Malaysia

oleh **HAJAH ASMIAH HAJI AJAMAIN**
Pengarah
DBP Cawangan Sabah

Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) merupakan program tahunan yang dilaksanakan khusus sebagai usaha untuk menyemarakkan semangat jati diri dan patriotisme terhadap negara melalui wahana, wacana, dan prasarana bahasa dan sastera kebangsaan. Menerusi program BBK pastinya pengisian terhadap kata-kata keramat "Bahasa Jiwa Bangsa" seiring dengan hasrat untuk memperkasakan dan memartabatkan bahasa kebangsaan dapat diberikan. Bermula pada tahun 1960 BBK dikenali sebagai Minggu Bahasa Kebangsaan yang kemudiannya mengalami perubahan pelbagai nama seperti Gerakan Cintailah Bahasa Kita (1987-1996), Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Swasta (1996-2005), dan Minggu Bahasa dan Sastera (1987-1998). Pada tahun 1999 gerakan ini dinamai Bulan Bahasa dan Sastera Negara (BBSN). Pada tahun 2009 BBSN dijenamakan pula sebagai Bulan Bahasa Kebangsaan. Penjenamaan kepada Bulan Bahasa Kebangsaan ini khusus untuk meningkatkan lagi keprihatinan masyarakat terhadap penggunaan bahasa kebangsaan yang kian memudar dalam masyarakat. Walaupun negara kita telah mencapai kemerdekaan 57 tahun, namun kemantapan bahasa kebangsaan dalam sistem bernegara belum boleh dibanggakan, malahan masih jauh daripada jangkauan yang sewajarnya. Kepentingan bahasa Melayu perlu disemarakkan semula, sementelah mutakhir ini, bahasa Melayu sedang mengalami saat getir, dan menghadapi cabaran yang memerlukan gemblengan pelbagai pihak. Tema "1 Bahasa, 1 Bangsa, 1 Negara" berkaitan secara langsung dengan Dasar Bahasa Kebangsaan yang membentuk satu bangsa Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan keturunan.

Mutakhir ini, bahasa Melayu sedang menghadapi cabaran yang memerlukan fungsi dan kepentingannya disemarakkan semula. Dalam kalangan generasi muda misalnya, semangat cinta akan bahasa kebangsaan perlu disemai secara kreatif dan terus-menerus, agar golongan ini tidak melupakan bahasa Melayu yang menjadi unsur penting dalam pembentukan tamadun bangsa Malaysia. BBK merupakan satu pendekatan yang signifikan untuk menyemarakkan semula rasa kecintaan dan kemegahan golongan muda khususnya dan rakyat Malaysia amnya terhadap bahasa kebangsaan.

Arus perubahan global sentiasa mendominasi dan mewarnai perubahan semasa corak kehidupan rakyat negara kita. Perubahan yang mendatang ini perlu ditangani dengan bijaksana. Begitulah dengan usaha untuk mempertingkatkan kedudukan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi, bahasa ilmu dan bahasa perpaduan di negara kita. BBK mestilah dilaksanakan dengan semangat dan keterlibatan setiap peringkat masyarakat daripada pelbagai keturunan. Selain itu, usaha pemartabatan bahasa Melayu ini perlu didukung bersama-sama oleh semua pihak sama ada institusi pendidikan, institusi kewangan, industri perhotelan serta pihak swasta.

Kesedaran dan keprihatinan terhadap kepentingan, peranan dan fungsi dominan bahasa dan sastera kebangsaan sebagai elemen fundamental dalam pembentukan bangsa dan negara bangsa Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang haruslah sentiasa dipupuk, disuburkan serta digerakkan. Justeru itu, program BBK diteruskan penganjuran dan pelaksanaannya pada tahun 2014, khusus sebagai program berterusan daripada program BBSN yang terdahulu. Dalam usaha menjadikan program BBK sebagai program yang mendatangkan impak menyeluruh terhadap warga negeri Sabah, maka semua kegiatan yang dirancang akan dilaksanakan dengan mengambil kira semua kelompok masyarakat daripada peringkat pelajar, kakitangan kerajaan, penggiat seni dan masyarakat umum.

Berdasarkan impak BBK pada tahun 2013, beberapa penambahbaikan kegiatan tahun 2014 dilakukan. Kegiatan pada tahun ini akan diadakan secara lebih berfokus terhadap fungsi yang didasari oleh misi dan visi DBP. Antaranya, mempelbagaikan kegiatan kebahasaan dan kesusasteraan bukan sahaja kepada kakitangan kerajaan malahan juga sektor swasta, para pelajar dan orang awam di Sabah. Selain itu, program Kembara Bahasa yang dihidupkan semula pada tahun 2012, pastinya memberikan ruang dan peluang untuk menyemarakkan suasana sambutan BBK 2014. Bermula pada tahun ini, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sabah dan DBP Cawangan Sarawak melancarkan Kembara Bahasa pada waktu dan dari tempat yang sama, iaitu di Pekan Lawas, Sarawak. Rombongan dari Sabah akan berkumpul bersama-sama rombongan Kembara Bahasa dari Sarawak untuk melaksanakan pelbagai kegiatan sebelum memulakan kembara ke destinasi masing-masing. Selain Kembara Bahasa, kegiatan seperti Majlis Pelancaran BBK Peringkat Negeri Sabah, Malam Bahasa Jiwa Bangsa dan Bicara Bahasa Memekar Cinta menjadi tumpuan utama kegiatan BBK pada tahun 2014.

Diharapkan BBK ini dapat menyedarkan masyarakat bahawa bahasa Melayu sebagai alat perhubungan berbilang bangsa, dan seterusnya meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan, dan bahasa perpaduan. Di samping memberikan kesedaran juga kepada anggota masyarakat tentang peri pentingnya bahasa Melayu dan sastera dipelihara, dihargai, dan dicintai. Bahasa dan sastera kebangsaan memainkan peranan yang cukup fundamental sebagai elemen teras dalam pembentukan tamadun dan negara bangsa. BBK pula merupakan program tahunan yang signifikan selaras dengan proses pembinaan bangsa dan negara yang cemerlang, gemilang, dan terbilang. Selamat Menyambut BBK, **1Bahasa, 1Bangsa, 1Negara!** W

Bahasa Jiwa Bangsa

BULAN BAHASA KEBANGSAAN

Selayang Pandang Bulan Bahasa Kebangsaan 2014

oleh **NOORZANANI HAJI KATA**

Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) merupakan salah satu acara tahunan negara bagi memperkasakan bahasa kebangsaan. Pada mulanya, kempen kesedaran bahasa ini dikenali sebagai Minggu Bahasa Kebangsaan (1960), Bulan Bahasa Kebangsaan (1961), Gerakan Cintailah Bahasa Kita (1987), Bulan Bahasa dan Sastera Negara (1999) dan pada tahun 2009 ditukar semula kepada Bulan Bahasa Kebangsaan.

Matlamat utama BBK adalah untuk memantapkan, memperkukuh dan mempamerkan jati diri dan citra bangsa Malaysia berteraskan bahasa kebangsaan, selain untuk melahirkan generasi masa depan bangsa Malaysia yang berbangga dengan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar ilmu dan pembina tamadun bangsa. Agenda untuk membina negara bangsa berpaksikan acuan sendiri dalam era globalisasi dan dunia tanpa sempadan ini akan tercapai dengan adanya keupayaan serta komitmen yang padu daripada rakyat Malaysia.

Tema BBK 2014 ialah "1Bahasa, 1Bangsa, 1Negara". Tema ini bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk menyemarakkan dan memastikan kelangsungan bahasa kebangsaan serta memperteguh perpaduan bangsa Malaysia. Sejak kegiatan BBK berlangsung di seluruh negara, segenap lapisan masyarakat akan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti bahasa dan persuratan Melayu yang telah diatur secara bersepadu, dengan harapan semua itu akan dapat menyuburkan kecintaan terhadap bahasa kebangsaan.

BBK 2014 Peringkat Negeri Sabah diisi dengan empat kegiatan utama, iaitu Majlis Pelancaran BBK Peringkat Negeri, Kembara Bahasa, Bicara Semarak Bahasa Memekar Cinta, dan Malam Bahasa Jiwa Bangsa. Kegiatan yang dirancang akan dilaksanakan dengan mengambil kira semua kelompok masyarakat daripada

peringkat pelajar, kakitangan kerajaan, penggiat seni dan masyarakat umum. Kegiatan ini diharapkan dapat memberikan kesedaran kepada anggota masyarakat tentang peri pentingnya bahasa Melayu dan sastera dipelihara, dihargai, dan dicintai.

Kembara Bahasa merupakan aktiviti berkonvoi dan melaksanakan aktiviti kebahasaan

dan kesusasteraan di setiap lokasi. Kembara Bahasa dilaksanakan dengan objektif untuk membina masyarakat yang menghargai tamadun bangsa dan tanah air; meningkatkan perpaduan dan patriotisme; memperkukuh kesedaran dan penghayatan terhadap peranan bahasa dan persuratan Melayu dalam pembinaan jati diri dan citra bangsa; dan membentuk rangkaian penggerak misi megah bahasa dan persuratan Melayu.



Kegiatan ini dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai agensi, sama ada sektor awam atau swasta, dan pertubuhan bukan kerajaan. Kembara Bahasa akan memberikan impak kepada pelbagai pihak, bukan sahaja kepada peserta, khalayak dan DBP, bahkan juga negara Malaysia. Lokasi yang dipilih pada tahun ini ialah, Daerah Lawas, Sarawak pada 9 hingga 12 Oktober 2014, Sipitang pada 12 Oktober 2014, Tenom pada 13 Oktober 2014, Keningau pada 14 hingga 15 Oktober 2014, Beaufort pada 16 Oktober 2014 dan Membakut pada 17 Oktober 2014. Pelepasan konvoi Kembara Bahasa bermula dari Lawas ke Sipitang pada 12 Oktober 2014. Antara pengisian kegiatan BBK 2014 di setiap daerah, termasuklah bahasa berirama, sembang bahasa, koir, deklamasi puisi, persembahan lagu puisi, tarian etnik, penyampaian Anugerah Citra Bahasa untuk premis makanan atau hotel yang terampil dalam penggunaan bahasa Melayu dan ikrar teguh bahasa.

Bermula pada tahun ini, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sabah dan DBP Cawangan Sarawak melancarkan Kembara Bahasa pada waktu dan dari tempat yang sama, iaitu pada 12 Oktober 2014 di Daerah Lawas, Sarawak. Konvoi Kembara Bahasa akan mula bergerak dari Kota Kinabalu pada 9 Oktober 2014 menuju Lawas. Rombongan dari Sabah akan berkumpul bersama-sama rombongan Kembara Bahasa dari Sarawak untuk melaksanakan pelbagai kegiatan sebelum memulakan kembara ke destinasi masing-masing. Antaranya ialah Pengucapan Puisi Serumpun, Jejak Cinta Bahasa, Sukaneka Kembara Bahasa, Wacana Budaya dan Pesta Gendang.

Majlis Pelancaran BBK 2014 Peringkat Negeri Sabah diadakan di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Keningau pada 15 Oktober 2014 dan disempurnakan pelancarannya oleh YAB Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah. Dalam memeriahkan sambutan BBK di Keningau pelbagai kegiatan diadakan, iaitu Bicara Buku, Malam Apresiasi Puisi dan Malam Bahasa Jiwa Bangsa.

Bicara Semarak Bahasa Memekar Cinta merupakan aktiviti kebahasaan dan kesusasteraan di lokasi yang dipilih, iaitu di IPG Kampus Tawau pada 31 Oktober 2014, dan di IPG Kampus Gaya pada 1 November 2014. Ketua Pengarah DBP, Datuk Dr. Haji Awang Sariyan akan menyampaikan syarahan pada acara tersebut. Malam Bahasa Jiwa Bangsa merupakan penutup kegiatan BBK 2014. Majlis ini diadakan di Dewan Amil Jaya, DBP Cawangan Sabah pada 2 November 2014. Selain menyemai rasa cinta kepada bahasa kebangsaan, majlis ini sebagai penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan BBK 2014 Peringkat Negeri Sabah. *W*

Imbasan Bulan Bahasa Kebangsaan 2013 Peringkat Negeri Sabah

oleh **MUZIAT YUSUF**

1Bahasa 1Bangsa 1Negara dipilih sekali lagi sebagai tema Bulan Bahasa Kebangsaan pada tahun ini. Iltizam kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, bahasa penyatuan bangsa dan bahasa rasmi negara membuktikan keperihatinan dan kesungguhan kerajaan dalam usaha pembinaan negara bangsa Malaysia.

Prinsip "di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung" seharusnya berkembang subur dan mekar dalam sanubari setiap insan dalam kalangan rakyat Malaysia. Bahasa Melayu adalah lambang jati diri dan citra rakyat Malaysia. Kecintaan terhadap bahasa kebangsaan harus seiring dengan semangat kecintaan terhadap tanah air.

Keazaman politik kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu tidak akan berjaya jika dilakukan secara paksaan. Kesedaran masyarakat dan usaha memupuk serta menyuburkan rasa kebersamaan untuk menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan perlu dilakukan secara berterusan oleh segenap lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa, agama dan latar budaya suku kaum yang ada. Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) yang dilaksanakan pada bulan Oktober setiap tahun diharapkan dapat memugarkan semangat kecintaan kita terhadap bahasa rasmi negara.

Pada tahun lalu, Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2013 Peringkat Negeri Sabah telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Panglima Haji Yahya Hussin, Timbalan Ketua Menteri Sabah, selaku wakil YAB Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah pada 26 Oktober 2013 di Atrium Tengah, 1Borneo Hypermall, Kota Kinabalu.

Dalam ucapan, beliau menegaskan bahawa bukti ketamadunan sesebuah negara berdaulat dan merdeka ialah negara yang memiliki budaya tinggi dan memartabatkan

bahasa kebangsaannya. Tanpanya negara itu dilihat sebagai negara tanpa keperibadian, roh kemerdekaan dan jati diri bangsa.

Bulan Bahasa Kebangsaan 2013 diwarnai dengan pelbagai kegiatan. Antaranya konvoi Kembara Bahasa dengan tema "Jelajah Negara, Semarakkan Bahasa" yang bergerak serentak ke tiga zon, iaitu Tuaran, Penampang dan Papar. Program itu dijayakan dengan kerjasama Persatuan Permotoran Borneo Sabah (PERMOS). Objektif Kembara Bahasa adalah untuk membina masyarakat yang menghargai sejarah tamadun bangsa dan tanah air, membentuk rangkaian penggerak misi megah bahasa dalam kalangan belia. Pewaris dan tonggak pemimpin negara pada masa hadapan yang akan mencorakkan kejayaan Malaysia dalam pelbagai bidang.

Selain itu, Karnival Bahasa juga telah diadakan pada 26 hingga 27 Oktober 2013 di pusat beli-belah 1Borneo, pengisian karnival itu melibatkan pelbagai pihak, iaitu sektor awam, swasta, institut pengajian tinggi awam dan swasta. Program pengisiannya ialah Kuiz Bijak Bahasa, Pertandingan Pantas Jawi, Pertandingan Mewarna, Senam Tari, Puisi Ria, Pertandingan Bercerita, Berbalas Pantun dan Malam Bahasa Jiwa Bangsa.

Program selama dua hari itu walaupun singkat tetapi telah membawa impak yang besar terhadap kesedaran masyarakat tentang pentingnya peranan bahasa kebangsaan sebagai asas pembinaan negara bangsa.

Atrium Tengah 1Borneo, lokasi penganjuran BBK 2013 telah dipenuhi oleh ribuan pengunjung yang tidak putus-putus dari pagi hingga ke petang sebagai tanda sokongan masyarakat terhadap penganjuran program tersebut.

Selamat Menyambut Bulan Bahasa Kebangsaan 2014 Peringkat Negeri Sabah. Bahasa Jiwa Bangsa. Maju Bangsa Majulah Negara. W

Transisi Bahasa: Kejayaan dan Cabaran

oleh **JAMDIN BUYONG**

Nama gagasan "Malaysia" mempunyai hikmah, menarik sokongan kepimpinan dan rakyat Sabah untuk bersama-sama menubuhkan negara bangsa itu. Dalam memantapkan identiti satu bangsa yang bersatu melalui satu bahasa, khususnya antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak, maka bahasa kebangsaan (bahasa Melayu) dimasyhurkan sebagai "Bahasa Malaysia" (BM). Panggilan ini merupakan lambang perkasa negara bangsa, sama seperti "Bahasa Indonesia" yang tidak mencontohi jejak Amerika Syarikat yang menggunakan istilah "*English language*" bagi bahasa kebangsaannya. Inilah antara tiang seri utama perpaduan tiga wilayah dalam memperkukuh penyatuan satu negara, bumi Malaysia di sebelah barat, dengan bumi Malaysia di sebelah timur; dan amat penting bagi memperteguh perpaduan rakyat semua kaum. Dari segi roh dan hakikinya, BM ialah bahasa Melayu, sebagaimana termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan, iaitu bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu.

Sejarah Bahasa Inggeris

Bahasa Inggeris yang berjaya menguasai sebahagian besar tamadun manusia, termasuklah di negara-negara Komanwel, memakan masa yang panjang untuk menjadi bahasa moden, seperti juga BM. Bahasa Inggeris yang dipertuturkan antara abad kelima dan abad ke-12, ialah *Bahasa Inggeris Lama* (*Old English*), yang sebelum itu dikenali sebagai bahasa *Anglo-Saxon*; dan kemudiannya ditransformasi sebagai *Bahasa Inggeris Pertengahan (Middle English)*. Pada abad-abad berikutnya, bahasa Inggeris berkembang peringkat demi peringkat hingga sampai ke tahap sebagai *Bahasa Inggeris Standard* (*Standard English)*. Pada kira-kira tahun 1450, bahasa Inggeris berubah sifatnya sebagai *Bahasa Inggeris Moden Awal* (*Early Modern English*), dan seterusnya berkembang hingga dikenali sebagai *Bahasa Inggeris Moden (Modern English)*.

Pada abad ke-17 dan ke-18, bahasa itu diperhalus dan diperkemas, tidak lagi dianggap sebagai bahasa kelas dua di buminya sendiri, tetapi telah mencapai taraf *bahasa Chaucer dan Shakespeare*. Ben Jonson berusaha untuk menghasilkan tatabahasa bahasa Inggeris dalam abad ke-17; dan 100 tahun kemudiannya, Samuel Johnson berjaya menghasilkan kamus bahasa Inggeris yang pertama, dan seterusnya. Bermula dari sinilah, berlakunya perubahan fundamental dalam pembentukan *Bahasa Inggeris Moden*, hingga berdaya menjadi bahasa kuasa penjajahan, termasuklah di Malaysia.

Sejarah Kegemilangan BM

BM juga mempunyai pengalaman yang panjang dalam menempuh zaman kegemilangannya sendiri. Justeru, sebarang sentimen yang meminggirkan BM jauh di belakang pengalaman sejarah bahasa Inggeris, wajar disanggah. BM tidak boleh dinilai di luar pemikiran pengalaman itu sebagai satu daripada bahasa utama dunia. BM tidak harus

dilihat hanya dari segi nilai saintifik dunia barat, tetapi lebih penting, harus juga dilihat dari segi sejarah tamadunnya dalam membina dan menyinari peradaban bangsa. Cahaya peradaban itu tidak boleh dipadamkan dengan nilai saintifik Barat (mengutamakan bahasa Inggeris); dan jika ini berlaku, maka akan terbenamlah peradaban yang telah dibina di atas tiang seri nilai agama, sosiobudaya, dan norma bangsa sendiri.

Landasan perkembangan BM amat kukuh. Antara teks tertua BM terdapat pada batu bersurat bertarikh 683 M. BM telah digunakan dalam empayar samudera Hindu-Buddha di Sriwijaya, serta pada kemuncak kekuasaannya (abad kesembilan hingga abad ke-12) memerintah beberapa kawasan hingga ke beberapa bahagian tanah Melayu dan barat Indonesia. BM yang digunakan pada zaman itu disebut sebagai bahasa Melayu *pijin*, kemudian dikenali sebagai bahasa pasar.

Cahaya peradaban itu tidak boleh dipadamkan dengan nilai saintifik Barat (mengutamakan bahasa Inggeris); dan jika ini berlaku, maka akan terbenamlah peradaban yang telah dibina di atas tiang seri nilai agama, sosiobudaya, dan norma bangsa sendiri.

Semasa kegemilangan pemerintahan kesultanan Melayu Melaka (akhir abad ke-14 hingga awal abad ke-16), dan kesultanan Melayu lain, BM berkembang dalam karya sastera tradisi tulisan Jawi, yang dikenali sebagai bahasa klasik. Laras BM Klasik terdapat dalam *Sejarah Melayu* dan *hikayat-hikayat* yang bertarikh dalam sekitar abad ke-17 dan ke-18. BM bentuk ini, berkembang menyeseluri arus zaman hingga ke tahun-tahun 1950-an. Dalam tempoh negara ini dijajah oleh British, secara beransur-ansur, banyak istilah teknikal bahasa Inggeris menjadi bahasa moden dalam perbendaharaan kata BM, di samping perkembangannya berasimilasi dengan kosa kata bahasa-bahasa etnik tempatan, termasuklah di Sabah dan Sarawak.

Peninggalan Pendeta Za'aba

Dalam tahun-tahun 1930-an hingga tahun-tahun 1960-an, pelbagai buku ilmu bahasa BM diterbitkan, termasuklah dalam bidang perkamusan, seperti *Kamus Bahasa Melayu* oleh *R.O. Winstedt*; *A Malay English Dictionary* oleh *R.J. Wilkinson*. Negara bertuah, kerana melahirkan pendeta Za'aba, yang telah menghasilkan buku *Ilmu Mengarang Melayu* (1934), dan *Pelita Bahasa Melayu* (1940). Tokoh bahasa ini telah mewariskan *Ejaan* dan *Nahu* BM yang menjadi obor bahasa, sumber rujukan, dan panduan DBP, para pakar dan ahli bahasa, memperkemas dan memantapkan BM menjadi Bahasa Malaysia Baku (BMB).

Kelahiran DBP melengkapkan usaha memartabatkan, dan mengembangkan BM, selaras dengan tuntutan semasa. Di bawah DBP, lahirlah Kamus Dewan oleh T. Iskandar (1968); diikuti oleh pelbagai penerbitan pengembangan BM seterusnya. DBP memperkenalkan sistem ejaan baharu BM (tahun-tahun 1970-an), dan menerbitkan buku-buku istilah mengikut sistem ejaan baharu. Penerbitan Tatabahasa Dewan, Jilid 1 (1986) menjadi pedoman pelengkap ilmu linguistik tatabahasa BMB.

BM di Semenanjung

Rakyat di Semenanjung Malaysia mengalami arus transisi daripada penggunaan bahasa Inggeris kepada BM dalam tahun-tahun 1950-an, dan 1960-an. Mereka diberi keyakinan tentang kemampuan BM menggantikan status bahasa Inggeris di negara ini. Ini disusuli pada tahun-tahun 1970-an, dengan ketegasan pelaksanaan dasar penggunaan BM, sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah; bahasa urusan rasmi negara; dan bahasa perhubungan awam. BM dianggap telah mencapai tahap kematangannya di Semenanjung Malaysia pada tahun-tahun 1980-an, iaitu termasuklah dari segi penggunaan istilah sains dan teknologi, yang sebelum itu adalah dalam bahasa Inggeris.

BM di Sabah

Di Sabah, gerakan menyedarkan rakyat akan kemampuan BM mengambil alih status bahasa Inggeris dalam pentadbiran kerajaan negeri, hanya ketara mulai tahun 1970, dan memuncak secara mendadak hingga menjadi bahasa rasmi pada tahun 1973; dan di Sarawak pada tahun 1985. BM menjadi satu daripada agenda politik utama negeri Sabah, bagi memupuk semangat perpaduan peringkat negeri dan nasional, hinggakan namanya begitu khusus dalam Perlembagaan Negeri Sabah, menggunakan huruf besar "Bahasa Malaysia" dalam kedua-dua versi BM, dan bahasa Inggeris. Istilah itu berjaya mengurangkan perbezaan tradisi yang ketat antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia, dari segi psikologi sosiobudaya, dan etnosentrisme bahasa.

BM ialah bahasa *supraetnik* yang berwawasan,menjadi hak milik bersama; simbol kemegahan dan kekuatan rakyat pelbagai kaum sebagai satu keluarga besar bangsa Malaysia, selaras dengan falsafah "Bahasa Jiwa Bangsa". Kempen "Cintailah Bahasa Kita", menepati semangat bahawa BM ialah *bahasa kita* (bahasa semua kaum), yang merentasi sempadan bahasa-bahasa etnik. Nama ini telah pun memainkan peranannya dengan berkesan, antara faktor utama merealisasikan bertambah teguhnya sebuah negara bangsa yang bersatu, antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak.

BM Digugurkan

Bagaimanapun, nama atas maruah negara bangsa itu telah digugurkan, digantikan dengan nama *supranasionalnya* "bahasa Melayu", yang digunakan dalam urusan rasmi persekutuan, selama 21 tahun (1986-2007). Dengan ini, putuslah satu daripada tali ikatan sejarah terpenting (persepakatan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak), yang diasaskan oleh para pemimpin nasionalis terdahulu. Nama bersejarah itu hampir tenggelam dihanyutkan oleh arus keadaan; namun, masih ramai dalam kalangan masyarakat, yang begitu mesra dengan nama itu, terus menggunakan istilah "Bahasa Malaysia" dalam urusan seharian.

Istilah bahasa Melayu, ialah nama *bahasa supranasional*, *bahasa dunia Melayu*, meliputi geografi bahasa Melayu seluruh alam Melayu; yang kaya dengan perbendaharaan kosa kata; di samping ragam *bahasa dan dialek* Melayu Indonesia, Melayu Filipina, Melayu Thailand, Melayu Brunei, Melayu Singapura, Melayu Kelantan, Melayu Kedah, Melayu Johor, Melayu Melaka, dan sebagainya. Sabah dan Sarawak juga mempunyai ragam *dialek* Melayu setempat. Sebahagian kosa kata, dan *dialek* Melayu yang pelbagai itu, hanya difahami di negara-negara, dan negeri-negeri berkenaan.

Dalam ketidakseragaman inilah, maka wujudnya satu identiti bahasa bersama, bagi merungkai perbezaan berkenaan. BM dibina, dan dikembangkan menjadi *bahasa baku*,

bahasa standard, atau *bahasa seragam*, supaya mudah difahami, bukan sahaja oleh masyarakat Melayu, bahkan oleh semua kaum, dan di setiap negeri.

Sabah Pertahankan BM

Meskipun Kerajaan Persekutuan, secara rasmi tidak menggunakan nama "Bahasa Malaysia" (1986-2007), namun, demi mengekalkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum di Sabah, serta ikatannya dengan Semenanjung Malaysia dan Sarawak, negeri ini tidak memutuskan tali ikatan sejarah kemerdekaan itu. Sabah mengekalkan semangat wawasan kemerdekaan dalam Malaysia, dengan tidak meminda Perlembagaan Negeri bagi membatalkan nama "Bahasa Malaysia". Semua urusan Kerajaan Negeri, dan rakyatnya terus menggunakan istilah "Bahasa Malaysia". Nama ini telah sebati, dan serasi dalam amalan sosial dan budaya mereka, di setiap bandar hingga ke setiap pelosok desa.

Kembali kepada Semangat Kekitaan

Atas kesedaran betapa pentingnya semangat kekitaan (*sense of belonging*) terus dipupuk dalam kalangan rakyat semua kaum, maka negara ini telah kembali berpegang pada tiang seri semangat perpaduan, menggunakan nama "Bahasa Malaysia" semula. Kabinet telah membuat keputusan penting itu, dengan sebulat suara pada bulan April 2007. Semua kementerian, universiti awam, dan institusi pengajian tinggi telah diarahkan supaya memaklumkan jabatan, dan agensi masing-masing, supaya menggunakan istilah "Bahasa Malaysia" dalam surat-menyurat, notis dan dokumen dengan serta-merta. RTM, dan semua rangkaian televisyen, dan radio swasta, juga diarahkan agar kembali menggunakan istilah"Bahasa Malaysia".

Meskipun demikian, ada segelintir pakar, dan ahli bahasa tidak bersetuju dengan istilah "Bahasa Malaysia", yang dirangkaikan seperti istilah "Bahasa Indonesia". Mereka mahu supaya negara ini mencontohi negara Amerika Syarikat yang menggunakan istilah "*English language*", bukan "*American language*". Namun, pihak-pihak yang mempertahankan istilah "Bahasa Malaysia", tidak nampak sebarang masalah, kerana istilah-istilah lain akan kekal, seperti *sejarah Melayu*, *pengajian* Melayu, *persuratan Melayu*, *sastera Melayu*, *novel Melayu*, *filem Melayu*, dan sebagainya. Persoalan seperti ini akan terus menguji kecendekiawan para pakar dan ahli bahasa; di samping menguja kebijaksanaan ahli-ahli politik. Meskipun demikian, pandangan yang berbeza tentang nama bahasa kebangsaan ini, tidak menjadi rintangan kepada usaha berterusan dalam memartabatkan bahasa itu sebagai bahasa berdaulat, bahasa perpaduan; dan amat penting terus berkembang sebagai bahasa yang lebih mantap dalam semua bidang keilmuan, dan kemahiran.

Dalam pada itu, istilah "bahasa Melayu", masih digunakan dalam situasi, dan pada peringkat-peringkat tertentu. Dengan kebijaksanaan perancangan dan pelaksanaan oleh semua pihak, istilah "Bahasa Malaysia", dan "bahasa Melayu", tidak akan menimbulkan sebarang masalah. Gerakan kempen bahasa 2013 menggunakan nama "Bulan Bahasa Kebangsaan". Pengertiannya jelas, bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu; bahasa kebangsaan ialah bahasa rasmi negara; dan Bahasa Malaysia ialah bahasa rasmi negeri Sabah. Panggilan sahaja berlainan, tetapi dari segi realitinya, dua istilah itu adalah dalam satu entiti dengan satu roh. Pohon sejarahnya sama, dan akan terus berperanan sebagai tiang seri pembinaan tamadun, dan peradaban bangsa Malaysia.

Bahasa Baku atau Bahasa Standard

Pada mulanya, ada pakar bahasa memperkenalkan BM distandardisasikan untuk menjadi *bahasa standard*. Buku "Pendekatan Asas Standardisasi Bahasa Malaysia" (1980), yang diselenggarakan oleh Drs. Yeop Johari Yaakob dan penulis, telah turut mempromosikan istilah "*standard*". Istilah lain yang cuba diperkenalkan oleh beberapa pihak, termasuklah *bahasa baku, bahasa buku, bahasa sekolah,* dan *bahasa seragam*. Ada pakar bahasa tidak bersetuju dengan istilah *bahasa baku*, atas alasan bahawa istilah *baku* (berasal daripada bahasa Jawa), belum diketahui umum di Malaysia; manakala istilah *standard* sebagai bahasa moden, telah diketahui umum, dan digunakan dalam BM. Dalam bahasa asalnya, pengertian *baku* ialah *yang menjadi pokok; yang sebenarnya; yang utama; dan standard.* Istilah ini, yang dirangkaikan menjadi *Bahasa Malaysia Baku* (BMB), semakin difahami, dan lebih menonjol hingga kini.Walau apapun istilah digunakan, tujuannya sama, membentuk dan mengembangkan BM dari segi ejaan, istilah dan tatabahasa *baku, standard,* atau *seragam*.

Istilah bahasa Melayu, ialah nama *bahasa supranasional, bahasa dunia Melayu*, meliputi geografi bahasa Melayu seluruh alam Melayu; yang kaya dengan perbendaharaan kosa kata; di samping ragam *bahasa dan dialek* Melayu Indonesia, Melayu Filipina, Melayu Thailand, Melayu Brunei, Melayu Singapura, Melayu Kelantan, Melayu Kedah, Melayu Johor, Melayu Melaka, dan sebagainya.

Sebutan Baku

Pada mulanya telah dilaksanakan pelbagai program bagi memperkenalkan sebutan seragam dengan menggunakan prinsip BM umum didasarkan dialek Riau-Johor dalam melafazkan huruf akhir *a* dengan bunyi (*e pepet),* seperti *saya* disebut *saye (e pepet).* Dalam satu kursus anjuran RTM Sabah (1975), pembaca berita dan juruhebah dibimbing untuk menggunakan sebutan dialek berkenaan. Kemudiannya, dalam satu seminar tentang bahasa, penulis telah mengemukakan pandangan, menyanggah langkah RTM itu, dengan alasan bahawa sebutan pembaca berita dan juruhebah berasal dari Sabah, memang sudah baku, menepati ejaan perkataan dengan huruf akhir *a* dilafazkan dengan bunyi (*a);* bunyi *a* pada akhir perkataan sama dengan bunyi (*a)* pada awal perkataan, seperti *apa, ada, saya, sama, lama,* dan sebagainya.

Akhirnya, perancangan RTM Sabah untuk menggunakan sebutan dialek Riau-Johor di Sabah, tidak diteruskan. BM yang dipertuturkan di Sabah adalah lebih jelas, dan mudah difahami, berbanding dengan BM di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia, yang menggunakan pelbagai dialek (slanga) yang sukar difahami oleh masyarakat bukan berasal dari negeri-negeri yang berkenaan.

Dengan latar belakang *multibudaya* dan bahasa ibunda masing-masing, dari segi realitinya, pengguna bahasa tidak dapat bebas sepenuhnya daripada pengaruh loghat BM daerah/negeri, atau loghat bahasa suku kaum masing-masing. Sesiapa yang bertutur dalam BM secara formal, apatah lagi kalau tidak formal, boleh diketahui, mereka berasal dari negeri mana seperti Sarawak, Sabah, Kelantan, Kedah, Perak, atau mereka berketurunan Jawa, Minangkabau, dan sebagainya. Sebutan *ontok (untuk), kame' (kami), lima' (lima),* dialek

Melayu Sarawak; basar (besar), *idup (hidup), urang (orang),* dialek Melayu Sabah*; kendughi (kenduri), pukui (pukul), ghamai (ramai),* dialek Melayu Kedah*;* kaba' (kabar), paneh (panas), hangu'i (hangus), dialek Melayu Minangkabau, dan sebagainya. *Multidialek* ini ialah kesinambungan sejarah kepelbagaian *supranasional* bahasa Melayu semenjak zaman silamnya; dan akan terus hidup subur, jika dipelihara dengan baik oleh masyarakat penuturnya, dalam persekitaran amalan sosial dan budaya setempat. BMB tidak menjadi penghalang kepada *multidialek* ini, tetapi akan terus saling bersenyawa dalam membina peradaban bangsa dan negara. Dengan perkataan lain, setiap individu harus menguasai BMB, di samping bahasa-bahasa antarabangsa yang lain; dan kekal abadi dengan slanga/loghat bahasa ibunda masing-masing dalam amalan sosial dan budaya setempat.

Satu keputusan yang sangat wajar, apabila akhirnya sebutan BMB diseragamkan, iaitu bunyi *a* tetap dilafazkan (*a),* sebutan mengikut ejaan**.** Keseragaman ini tidak sukar dilakukan di Sabah dan Sarawak, kerana itulah sebutan yang diajarkan di sekolah-sekolah; sebutan umum Radio Sabah, dan Radio Sarawak sebelum merdeka lagi; dan pada umumnya, masyarakat pelbagai kaum di kedua-dua negeri ini juga terpengaruh dengan sebutan umum BM dalam cerita-cerita filem tahun-tahun 1950-an dan 1960-an. Masyarakat Sabah dan Sarawak juga sudah biasa dengan lafaz r seperti Kuala Lumpur (bukan Kuala Lumpu), kotor (bukan koto), bakar (bukan baka), dan sebagainya.

Perubahan kepada Sistem Ejaan Baharu

Sebelum Sabah merdeka, BM yang diajarkan dalam sistem persekolahan di negeri ini, menggunakan sistem ejaan lama, sama seperti di Semenanjung Malaysia. Bagaimanapun, apabila berlaku perubahan kepada sistem ejaan baharu, tidaklah berkuatkuasa secara automatik di negeri ini, sama seperti dasar dan Akta Bahasa Kebangsaan pada peringkat persekutuan, tidak melibatkan negeri Sabah dan Sarawak. Kepimpinan Sabah agak terkilan apabila membaca dokumen dalam ejaan baharu, lalu mengingatkan supaya perubahan besar seperti itu diluluskan oleh kerajaan negeri sebelum dilaksanakan. Justeru, sistem ejaan baharu, sama seperti dasar pendidikan negara telah melalui prosedur kerajaan negeri untuk dilaksanakan pada peringkat negeri. Memang pada peringkat awal, ada pihak berasa lucu dengan ejaan *membinchangkan* menjadi *membincangkan,* dengan andaian, bunyinya ialah *membinsangkan*; chantik menjadi cantik (santik); C*hina* menjadi C*ina* (S*ina*); dan sebagainya. Apabila dijelaskan secara meluas dari masa ke masa, barulah masyarakat umum faham akan sebutan ejaan baharu; dan tidak lagi menjadi masalah besar.

Perubahan kepada BM

Apabila BM diisytiharkan sebagai bahasa rasmi bagi negeri Sabah pada tahun 1973, dan selaras dengan dasar, dan arahan yang tegas, maka jabatan-jabatan kerajaan di negeri ini berusaha bersungguh-sungguh menggunakan BM dalam semua urusan rasmi. Namun, tarafnya sangatlah rendah, kerana sebahagian besar pegawai dan kakitangan awam, khususnya ketua-ketua jabatan ialah generasi berpendidikan aliran bahasa Inggeris, bermula pada peringkat sekolah rendah lagi.

Dalam kertas kerja, yang penulis bentangkan pada "Seminar Bahasa dalam Semua Urusan di Sabah – Pencapaian dan Masalahnya," (1980), di Kota Kinabalu, (lihat Dewan Bahasa: 11 Nov. 1980); telah penulis kemukakan masalah keupayaan pegawai tadbir dalam menggunakan BM pada masa itu. Antara contohnya *saya mengucapkan ucapan terima kasih; saya akan bercadangkan supayalah perkara ini diambil timbangan yang begitu beratnya; saya menariklah perhatian tuan*

berkenaan apa yang kita membincangkan tentang the Government Policy tentang development projects yang masuk dalam The Third Malaysia Plan; dalam opinion saya berkenaan hal yang telah didiscussed ada benefitnya kalau menjalankan dengan baik". Pada masa itu, tidak ada sesiapa pun berasa geli hati, atau mempersoal "bahasa rojak" yang terdapat dalam surat-menyurat, minit fail, dan paling ketara dalam mesyuarat jabatan. Bentuk ayat seumpama itu merupakan perkara biasa dalam mana-mana urusan jabatan, dan agensi kerajaan pada masa itu; dan difahami maksudnya. Bentuk ayat seperti itu bukan bahasa pasar, atau bahasa basahan, tetapi "bahasa profesional" yang cacat dan tercemar, ditulis oleh pegawai-pegawai berpendidikan tinggi dalam aliran bahasa Inggeris.

Syarat dalam Perkhidmatan Awam Negeri

Dengan pemerhatian khusus terhadap masalah ini, sebagai Ketua Biro Bahasa Malaysia, penulis telah mencadangkan supaya semua Peperiksaan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah hendaklah dalam BM; dan selaras dengan itu, Perintah Am Negeri Sabah digubal semula dalam BM sepenuhnya. Mata pelajaran lisan dalam bahasa Inggeris bagi kakitangan perkeranian, bertukar kepada ujian lisan BM. Cadangan ini diterima, dan dilaksanakan tanpa banyak masalah. Syarat wajib dalam perkhidmatan awam ini, dengan sendirinya menggalakkan semua pegawai dan kakitangan awam belajar bersungguh-sungguh untuk menguasai BM. Bagi menampung keperluan ini, Biro Bahasa Malaysia, yang juga bertanggungjawab mengendalikan semua peperiksaan perkhidmatan awam negeri, memperluas dan meningkatkan skop kursus BM di pejabat-pejabat kerajaan.

Peranan DBP

Dalam tempoh transisi yang amat mendesak itu, DBP telah berjaya menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Para pakar dan ahli bahasa sentiasa berusaha bersungguh-sungguh memantapkan sifat BM dalam pelbagai sudut, yang masih memerlukan penambahbaikan. Mereka terus berbahas, dan mengemukakan huraian untuk meleraikan apa-apa kekusutan dalam memantapkan BMB. Perbezaan pendapat berlaku dalam beberapa sudut tatabahasa dan ejaan. Ada perbahasan menjadi polemik berpanjangan. Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM), yang kemudiannya menjadi Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MBBIM) telah menghasilkan begitu banyak senarai istilah baharu dari masa ke masa.Percambahan ilmu golongan pakar dan ahli akademik, linguistik, dan profesional amat penting untuk terus memantapkan BMB menjadi bahasa moden sepenuhnya.

Peranan Biro Bahasa Malaysia

Sebagai Ketua Biro Bahasa Malaysia/Ketua Bahagian Pengembangan Bahasa Malaysia, JKM (1980--1994), penulis bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan Sabah juga mampu menguasai BMB, selaras dengan kedudukannya sebagai bahasa rasmi.

DBP telah menerbitkan pelbagai buku pedoman sistem ejaan baharu, peristilahan, dan tatabahasa baku; perkamusan; dan buku Tatabahasa Dewan; namun semua bahan itu tidak memadai untuk memperdalam kefahaman pengguna bahasa tentang ilmu BMB. Mereka, khususnya pegawai-pegawai dan kakitangan awam dan swasta, perlu diberi penjelasan ilmiah oleh para pakar dan ahli bahasa sendiri.

Bagi memenuhi keperluan itu, Biro Bahasa Malaysia bersama DBP Cawangan Sabah, mengendalikan beberapa seminar susulan tentang BMB; dan diikuti Bengkel

Penataran Bahasa Malaysia Baku, secara berkala dari masa ke masa, di setiap daerah negeri Sabah. Bengkel ini khusus bagi pegawai dan kakitangan awam, dan swasta. Usaha ini mendapat kerjasama daripada tenaga pakar, dan ahli bahasa, termasuklah Prof. Dr. Asmah Haji Omar, Prof. Dr. Nik Safiah Karim, Dr. Awang Sariyan, Drs. Yeop Johari Haji Yaakob, Zainal Abidin Bakar, Ainun Muhammad, Abdul Majid bin Abdul Latif, Abdul Ghaffar Laili, dan penulis sendiri.Mereka, silih berganti membantu menjayakan program berkenaan. Apabila para ilmuan dari Semenanjung Malaysia itu semakin sibuk dengan tugas masing-masing, maka penulis sendiri terpaksa memikul tanggungjawab sebagai penceramah, melanjutkan bimbingan ini, termasuklah semasa penulis bertukar jawatan sebagai Pengarah Muzium Sabah (1994-1996). Bagaimanapun, penulis terpaksa melepaskan tanggungjawab itu, apabila bertukar sebagai Ketua Jabatan di tiga jabatan lain, sebelum bersara wajib (2002). Dalam keadaan itu, penulis terus membantu memastikan setiap jabatan yang penulis pimpin, menguasai dan menggunakan BMB, dengan memberi para pegawainya bimbingan; dan peranan ini berlanjutan semasa penulis telah bersara, dalam kedudukan sebagai Ahli SPR (2002-2012). Peranan sampingan itu, dapat dilaksanakan dalam pengurusan organisasi SPR; dan kali terakhir penulis sempat membimbing para pegawai kanannya,dalam "Kursus Penulisan Dokumen Rasmi", anjuran SPR di Melaka pada 26 Mac 2012.

Para pakar dan ahli bahasa menghuraikan aspek-aspek Bahasa baku dari sudut ilmu linguistik secara lebih meluas dan mendalam. Sebagai pelaksana dan penggerak penggunaan BMB di Sabah, penulis lebih fokus kepada aspek kesalahan umum penggunaan BMB dalam pentadbiran kerajaan dan swasta. Kaedah ini lebih mudah difahami oleh para anggota perkhidmatan awam, dan swasta, untuk tindakan segera dalam mengurangkan kesilapan ejaan dan tatabahasa dalam pentadbiran.

BM Melepasi Dua Peringkat

BM telah pun berjaya melepasi peringkat perancangan dari segi dasar taraf kedudukannya; dan pembinaannya dari segi sifatnya, iaitu korpus bahasa – ejaan, istilah dan tatabahasa. BMB dari segi sifatnya sendiri, telah mencapai taraf kemantapan, dan kematangannya, mampu menyampaikan makna setiap istilah, dan ungkapan ilmu sains dan teknologi, yang berasal daripada bahasa Inggeris; di samping kejituannya semakin meningkat sebagai bahasa perundangan, bahasa pentadbiran, bahasa dakwah, bahasa komersial, bahasa sastera, bahasa sosiobudaya, bahasa sukan; bahkan sebagai bahasa pelbagai bidang hiburan. Fenomena ini membuka ruang kepada setiap individu untuk mendekatkan diri dengan BMB dalam mengejar kemajuan hidup masing-masing. BMB bukan hak mutlak golongan petugas awam semata-mata, tetapi juga sebagai jambatan ilmu dan kemahiran masyarakat seluruhnya. Justeru, apa juga bentuk usaha pemupukan penggunaan dan pemahaman BMB wajar diteruskan bagi semua golongan dan peringkat masyarakat.

Peranan Pakar dan Ahli Bahasa

Pada peringkat awal, ada sebilangan pakar dan ahli bahasa, tidak begitu bersepakat dalam beberapa aspek ejaan, dan tatabahasa. Ini menunjukkan iltizam mereka untuk bersama-sama memastikan sistem ejaan, dan tatabahasa yang dipersembahkan kepada khalayak pengguna bahasa, adalah benar-benar standard/seragam. Namun, unsur-unsur ketidaksepakatan ini hanyalah pada tahap ranting-ranting tatabahasa (bukan bersifat pokok dan utama), mungkin dapat dikesan secara halus dalam tulisan, atau pengucapan mereka hingga masa kini. Meskipun demikian,

apa-apa perbezaan kepakaran dari sudut ilmu linguistik, tidak harus menyukarkan pengguna bahasa mencari rahsia kesempurnaan, dan ketepatan BMB. Biarlah perbezaan kepakaran itu berterusan bagi tujuan memantapkan lagi BMB dari masa ke masa.

Bagi mengelakkan kekeliruan, pengguna bahasa tentulah berpegang pada panduan yang dirumuskan oleh kumpulan pakar bahasa, seperti buku Tatabahasa Dewan. Seorang pakar bahasa pernah berkata "apabila teks buku saya sampai di DBP, semuanya hancur". Maksud "hancur" ialah kandungan buku berkenaan disunting mengikut Tatabahasa Dewan. Pakar bahasa itu, sedikit pun tidak memperlihatkan perasaan berkecil hati. Ini menandakan beliau menerima hakikat bahawa semua buku terbitan DBP, hendaklah mengikut peraturan DBP, demi keseragaman; dan bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan pembaca. Perbezaan pandangan pakar dari sudut ilmu linguistik, dialami dalam pemantapan bahasa-bahasa utama dunia; dan ini merupakan proses kesinambungan sejarah perkembangan bahasa, yang tidak boleh dielakkan dalam meningkatkan lagi kematangan BMB seterusnya, khususnya dengan mengambil kira penerimaan pengguna bahasa.

Penggunaan BMB untuk Semua

Pada peringkat awal pengenalan BMB, selalu sahaja disebut oleh pelbagai pihak bahawa BMB adalah khusus untuk urusan rasmi. Jika tidak ditakrif dari segi realitinya, maksud urusan rasmi boleh menimbulkan salah pengertian, iaitu kalangan swasta dan orang ramai tidak perlu risau, jika mereka tidak mampu menguasai dan menggunakan BMB. Ini bermakna mereka bebas menggunakan apa sahaja bahasa mengikut pengetahuan masing-masing, termasuklah BM pasar. Maksud urusan rasmi sangat luas lingkungannya, iaitu bukan hanya dalam kalangan semua anggota perkhidmtan awam, tetapi juga dalam semua bentuk hubungan dua hala pihak pengurusan kerajaan dengan rakyat, iaitu pihak individu, persatuan, dan syarikat swasta. Malahan hubungan sesama individu, persatuan, dan syarikat swasta sendiri tertakluk kepada penggunaan BMB sepanjang yang berkaitan dengan urusan mengikut undang-undang dan peraturan (rasmi) kerajaan; dan urusan berkenaan dipamerkan kepada khalayak ramai, seperti nama syarikat, dan melalui pernyataan, iklan, dan sebagainya. Meskipun demikian, nama-nama khas syarikat, persatuan, dan nama individu yang asal (wujud sebelum sistem ejaan baku), tidak boleh dibetulkan, tanpa melalui proses undang-undang dan peraturan, seperti nama *Sharikat Hashim*. Nama umum *sharikat* boleh dibetulkan menjadi *syarikat*, tetapi *Hashim* ialah nama khas, tidak boleh bertukar menjadi *Hasyim*. Bagaimanapun, nama-nama khas yang amat jelas mencemarkan BM, atau menimbulkan pelbagai pengertian negatif seperti Kadai Mansari Nasib; Sharikat Lesen Menjual Senjata Api; Tukang Jahit Perempuan, Bandar Mini Bas, Restoran Keluar Masok, dan sebagainya, tidak boleh dibiarkan berterusan dan berleluasa. Nama khas syarikat tidak harus hanya dilihat dari aspek menarik perhatian orang ramai, tetapi juga seboleh-bolehnya sesuai dengan nilai murni sosiobudaya masyarakat Malaysia.

Mana-mana individu atau kumpulan masyarakat yang sama sekali tidak ada urusan dengan pihak kerajaan, tidak terlepas daripada peranannya sendiri. Jika mereka tidak mampu menguasai dan menggunakan BMB, sekurang-kurangnya sebagai warganegara, mereka menghormati kedaulatan BM, iaitu tidak merendahkan, atau mencemarkan BM dengan apa cara sekalipun.

Nama individu yang baharu lahir lazimnya diberi nama oleh ibu bapanya mengikut agama, adat dan sosiobudaya masing-masing; dan

pada umumnya, mereka tidak berasa terikat oleh sistem ejaan baku. Setiap ejaan nama individu adalah mengikut sebutan dalam bahasa ibunda masing-masing, seperti nama *Botu* atau *Buto*, tidak boleh diselaraskan dengan huruf vokal *o-o*, atau *u-u* (menjadi nama alat kelamin); *Limpo*, tidak *Limpu*; *Lutong*, tidak *Lutung;Kilong*, tidak *Kilung*; *Utoh*, tidak *Utuh;Mumol*, tidak *Mumul*; *Maskor*, tidak *Maskur*; *Mikeh*, tidak *Mikih;*Salleh, tidak Salih; *Lampong*, tidak *Lampung; Sumpong*, tidak *Sumpung;Mintor*, tidak *Mintur*; *Alus*, tidak *Halus*; *Halidhah*, tidak *Halida*; dan sebagainya. Bagaimanapun, ejaan umum menggunakan *s* menggantikan *th*, *sy* menggantikan *sh*, dan ejaan *binti* menggantikan *binte* (*bt*. menggantikan *bte*.), dan sebagainya dapat digunakan bagi nama baharu. Ini menunjukkan bahawa ejaan nama khas berunsur agama, adat dan sosiobudaya masyarakat setempat, sukar diselaraskan mengikut sistem ejaan BMB.

Pencapaian BMB sebenarnya, tidak harus dinilai hanya dari segi kemantapannya dalam bidang akademik, urusan rasmi kerajaan, karya sastera, dan banyaknya buku pelbagai bidang ilmu dalam BMB. BMB perlu juga dilihat dari segi penggunaannya dalam kalangan masyarakat umum, khususnya komuniti peniaga. Tidak ada undang-undang yang mewajibkan setiap penduduk di negara ini mesti tahu menulis dan bercakap dalam BMB, tetapi mereka harus bersama-sama bertanggungjawab untuk meletakkan BM pada tempat yang sewajaranya, dan BM yang digunakan adalah betul.

Generasi muda masa kini, pada umumnya ialah mereka yang telah terdedah kepada sistem ejaan dan tatabahasa, yang telah dimantapkan, bermula di sekolah rendah lagi. Mereka tidak berhadapan dengan masalah transisi, daripada sistem ejaan lama kepada sistem ejaan baharu, seperti yang dihadapi oleh generasi terdahulu. Bagaimanapun, mereka menghadapi masalah apabila berhadapan dengan istilah atau ejaan “tidak lazim”, dan “liat” untuk difahami dan digunakan. Bagi mengatasi kerumitan ini, mereka memilih jalan mudah, dengan mengelakkan diri daripada menggunakan istilah seperti itu.

Kesalahan Umum

Kini, kesalahan penggunaan BMB dalam kalangan masyarakat umum, khususnya pada peringkat swasta, masih ketara, walaupun menunjukkan pengurangannya, berbanding dengan kedudukannya 30-40 tahun yang lalu. Kelemahan penggunaan bahasa ini boleh dilihat dari sudut Akta Bahasa Kebangsaan, dan undang-undang berkaitan dengan BM pada peringkat pihak berkuasa tempatan di setiap negeri, sama ada tegas atau tidak; dan sejauh manakah kuatkuasanya. Dalam kalangan individu, masih ramai yang bersikap tidak peduli, tulis atau cakap apa sahaja ikut sedap hati, atau ikut hati marah. Ketidakseragaman beberapa ejaan dan sebutan, dalam media awam dan swasta yang kurang kawalan; dan ketidakseragaman sebutan dalam persidangan, perbahasan, mesyuarat, ucapan, ceramah; dan ditambah pula oleh sebutan bahasa basahan (bahasa mulut), turut mempengaruhi pengguna bahasa, mereka bertambah keliru.

Perbincangan BM Tidak Terbatas

Polemik tentang dasar bahasa, dan ilmu linguistik tidak ada batasnya. Dari masa ke masa, ada sahaja pelbagai buku dan *artikel ilmiah*, bagi merungkai pelbagai permasalahan bahasa, dari segi dasar pendidikan negara, bidang perundangan, kelemahan kuatkuasa penggunaannya dalam sektor awam dan swasta, hinggalah tentang isu-isu yang berhubungan dengan tatabahasa. Banyak saranan baharu bagi penambahbaikan mana-mana kelemahan, dan kekurangan dari segi strategi dan pelaksanaannya. Ejaan dan tatabahasa baku yang telahpun dimantapkan, diperhalusi dari segi penerimaan, dan penggunaannya, diterima umum atau tidak, dengan ukuran dari semua sudut, termasuklah dari segi psikologi sosiobudaya masyarakat setempat. W

Kita dan Ketam Batu

Barangkali kita pernah mendengar
tentang laut yang horizonnya
terlalu jauh
setiap kali memandangnya
nampak hanya buih-buih terapung.

Kalau tunggu hingga siang
kita saksikan sendiri ketam batu
mencari rumpai di celah karang
menyusur lumut dari tebing ke tebing.

Jika sudi berjaga sampai ke subuh
kita nampak ketam pulang ke laut
kerana burung camar datang berganti
mahukan rezeki dari pantai yang sama.

Sekalipun kita tidak pernah tahu
rahsia terpendam pada setiap
gelora ombak
hati yang peka dapat merasakan
tersimpan sunyi yang luas.

Tetapi kesunyian itu bukan si ketam batu
yang terpenjara di samudera nan kelam,
sebenarnya hati kita yang membatu
semakin tidak mengenal
siang dan malam
lalu menjadi hamba sepi
kehidupan sendiri.

Ramzah Dambul

Inspirasi

Kau mengalir bagai air yang lekas
meresap puitis senafas
di permukaan yang nipis kau menjadi
seribu bekas
yang jika tak digapai akan mati di
pohon tunas
antara lapisan rasa yang belum
tuntas
berkilau bak emas kau menetas
tanpa bertangguh kau bergegas
kutunggu saat kau terlepas
kutangkap kau hingga lemas
sampai mahuku lunas
di atas kertas.

Ruhaini Matdarin

Apabila Takdirnya

oleh **SITTI RAHMAH G. IBRAHIM**

Sebenarnya aku masih menyimpan kehendak untuk melawan, aku masih ada kehendak untuk memperjuangkan nasib ibuku dan nasib kami. Ini sebab kami tidak sanggup memilih dua pilihan antara ayah dan ibu. Mereka ialah dua insan yang amat aku sayang dan kasihi. Dua puluh tahun kami hidup bahagia dalam susana penuh dengan kasih sayang yang begitu utuh. Hidup kami begitu harmonis dan amat bahagia. Banglo yang terletak di atas bukit ini begitu bahagia dilimpahi dengan kegembiraan, tawa dan riangku, adik-adik, ibu dan ayah. Banglo ini sungguh indah, kini semuanya tidak ada lagi. Ibu banyak mendiamkan diri bersembunyi di sebalik bacaan ayat-ayat al-Quran atau zikirnya. Tidak pernah aku melihat kesedihan pada wajahnya. Dia tersenyum apabila berhadapan dengan kami, tetapi kata Niah, ibu akan menangis pada saat dia seorang diri.

'Kecewakah ibuku? Menderitakah ibu dengan sikap ayah?' bisikku. Ah, ini benar-benar tidak adil.

Takdirkah ini?

Ibuku memang seorang yang hebat menyembunyikan dukacitanya. Dia tidak

‘Kecewakah ibuku? Menderitakah ibu dengan sikap ayah?’ bisikku. Ah, ini benar-benar tidak adil. Takdirkah ini?

mahu kami terlibat dalam dukanya, mungkin dia takut aku bertindak mengikut amarahku. Aku pernah beritahu ibu, aku sanggup melakukan apa sahaja demi ibu. Hatta mengorbankan nyawaku, aku rela demi ibuku yang amat aku sayang dan cintai itu. Aku tidak rela melihat ibuku menahan pedih dan luka. Kegembiraan ibu adalah segala-gala bagiku. Sebenarnya aku lebih terluka memikirkan luka dan duka seseorang yang menjadi payung hidupku. Kesedihan dan kelukaan dengan sikap ayah membekas di hati, tetapi apakan daya, aku hanya seorang anak yang tidak ada hak untuk bertindak, sedangkan ibu tidak menentang kehendak ayah. Aku akur dalam kelukaan.

Sejak ayah menikah dengan perempuan muda yang hanya lima tahun tua daripadaku, semuanya telah jauh berubah, benar-benar berubah. Banglo kami redup dan sepi, akan tetapi ibu berusaha memberikan keceriaan dan kebahagiaan. Ikhlaskah ibu? Pun begitu aku dapat membaca sedih dan dukanya, meskipun ibu berusaha untuk menyembunyikan seribu duka. Aku tahu ibu berusaha mencipta suasana kebahagiaan kami, dia berusaha menyembunyikan kedukaannya. Ibu berusaha menjadi perempuan hebat yang kuat, tidak tergugah dengan takdirnya yang harus menerima madu, sedangkan madu itu satu kesakitan bagi seorang wanita. Begitu yang kudengar daripada nenekku, tetapi anehnya dia tidak menentang keinginan ayah untuk bernikah, adakah kerana dia ibu kepada ayah, lalu tidak memikirkan soal sakit hati ibuku. Ibu kuat melawan perasaan sedihnya.

Aku mencontohi cara ibu menyempurnakan kehidupan sehariannya, sungguhpun hidup kami tidak lagi sesempurna dan seriang dulu. Walaupun marah dan sakit hati, kami tetap menghormati dan taat kepada ayah, kerana kata ibu ayah harus dihomati kedudukannya. Kami sebagai anak tidak boleh mencampuri urusan orang tua. Aku pendam segalanya, aku tidak pernah bercakap apa-apa pun tentang ayah, dan juga tentang perasaanku yang sedih dan luka kerana perbuatan ayah. Sesungguhnya pernikahan ayah telah merobek jiwaku, meruntun duka. Aku dan adik-adikku telah kehilangan kasih sayang dan perhatian ayah kini.

Ayah sudah jarang balik ke banglo. Ayah sudah tidak menghiraukan kami seperti dahulu. Apakah kerana aku sudah dewasa? Kesedihan hati adik-adikku, aku tidak kisah, tetapi kesedihan hati ibu membuatkan api amarahku menjulang. Aku tidak mahu hati ibu disakiti. Aku tidak mahu ibuku dikhianati. Setiap kali aku mahu bertindak, ibu melarang. Ibu tidak mahu aku menjadi anak derhaka. Ibu menahan segala kedukaan, entah ibu reda atau tidak, tahu-tahu ayah sudah bernikah.

Sudah setahun ayah bernikah baharu, setahun jugalah aku dan adik-adik memendam rasa tidak puas hati dengan ayah. Kalau dibandingkan di antara ibu dan isteri baharu ayah, ibu jauh lebih cantik meskipun usianya telah melewati angka 40 tahun. Ibu lagi berilmu dan beragama. Apakah sebab ibu bertudung litup ayah memilih perempuan yang mendedahkan auratnya. Apakah sebab ibu tidak mengenakan alat solek, maka ayah memilih perempuan yang setiap hari mukanya diconteng dengan pelbagai warna yang tebal,

bulu matanya berlapis tiga. Ah, sesuatu yang tidak adil. Aku sebagai anak yang sulung benar-benar rasa terhukum dengan pernikahan baharu ayah, aku harus menyaksikan kepedihan dan derita seorang insan yang paling aku cintai dan sayangi, sedang perempuan itu tertawa riang di dalam pelukan ayah. Perempuan yang telah merebut kasih sayang dan keriangan kami. Amat menyakitkan.

Aku teringin sekali bertanya, kenapa ibu mengizinkan ayah untuk bernikah, dan kenapa ibu membiarkan ayah tinggal berhari-hari di rumah isteri mudanya. Kenapa ibu tidak menuntut haknya sebagai isteri. Aku tidak tega melihat wajah ibu berduka dengan pertanyaan yang boleh menyakitkan hatinya.

Tidak ada yang paling menyakitkan, melainkan melihat wajah ibu yang muram dan sering kulihat matanya merah. Aku telah berusaha keras mencegah hal itu daripada terjadi. Sejak mula aku mendengar ayah meminta izin untuk bernikah lagi, setiap usai solat aku berdoa begitu panjang daripada biasa. Aku memohon kepada Allah semoga ayah membatalkan niatnya. Sesekali aku juga melakukan solat hajat. Aku benar-benar berharap ada keajiban berlaku, tetapi akhirnya ayah menikah juga. Entah sama ada ibu membenarkan atau tidak, aku tidak berani bertanya kepada ibu.

Sejak membuka mata kali pertama, aku telah memiliki ayah dan aku berharap biar kematian sahaja yang memisahkan kami. Aku mahu ayah sentiasa ada di hadapanku setiap saat. Sama ada saat aku menutup mata dan membuka mata pada keesokan harinya. Aku lebih suka ayah terus berada di rumah bersama-sama kami, dengan ibu yang begitu mencintai dan menyayanginya. Aku dan adik-adik masih memerlukan kehadiran ayah setiap hari. Aku ingin sekali memaksa ibu untuk melakukan sesuatu, walau mungkin sudah terlewat. Tetapi aku tidak berani mengutarakan apa yang sedang aku fikirkan. Ibu telah melalui hidup rutinnya tanpa banyak mempertikaikan apa yang telah ayah lakukan. Akhirnya aku terpaksa berdiam, aku ikut sahaja rentak hidup ibu.

Ibuku merupakan seorang ibu yang sempurna, sentiasa reda dengan apa yang telah berlaku. Ibu tetap melayan ayah dengan baik, apabila ayah seminggu sekali balik ke banglo. Ibu amat hormat kepada ayah, Ibu begitu sayang dan mencintai ayah, meskipun kasih sayang ayah telah berbelah bagi. Ibu tidak bercakap tentang betapa sakit hatinya, tidak pernah mengungkap tentang perasaannya, dan kami terpaksa berdiam diri untuk hal-hal yang bersangkutan dengan ayah dan isteri baharunya. Di luar orang berkata tentang ayah dan isterinya,dan mereka memuji ketabahan hati ibu.

“Hah, ikhlaskah ibu?” Tetapi aku anak lelaki berusia dua puluh tahun, cukup mengerti ada luka di hati ibu. Bagi ibu, ayah tetap sempurna walau telah menikah lagi. Sesungguhnya itulah kedewasaan yang berat dan aku yang nanar menanggung derita ibu.

“Bang, bagaimana kalau kita rebut ayah semula daripada perempuan itu. Kita

kembalikan ayah kepada ibu. Kita bawa ayah balik bersama-sama kita dalam satu keluarga yang bahagia seperti dua puluh tahun yang lalu," lirih suara Niah. Wajahnya sedih, sejak ayah menikah baharu Niah memang selalu berduka, dukanya lebih daripada duka ibu. Dia telah kehilangan seri wajahnya. Senyum manisnya.

Aku berkalih menatap wajah Niah, adikku yang berusia tujuh belas tahun. Niah memang amat manja dengan ayah. Dia menjadi seorang anak dara sunti yang manis, mewarisi kejelitaan ibu. Sejak ayah jarang balik ke banglo, dia selalu muram. Dia selalu memperotes, akulah yang setia menjadi pendengar. Aku sayang Niah seperti aku sayang akan ibu. Sebagai anak lelaki, tanggungjawabku melindungi Niah. Niah juga seperti aku, tidak berani menyuarakan apa-apa kepada ibu tentang ayah. Aku juga selalu terlihat matanya basah, tetapi apabila aku bertanya ada sahaja alasnya. Niah seperti ibu amat bijak menyimpan dukanya apabila berhadapan dengan ayah.

"Kata kawan Niah, kalau kita berjuang untuk mendapatkan ayah semula, kita pasti akan berjaya. Bang, marilah kita berjuang untuk merebut ayah semula," kata Niah begitu nekad. Niah pandang wajahku dengan pandangan yang tidak berkedip. Ada kesungguhan aku lihat di matanya.

"Abang rasa kita tidak perlu melakukan semua itu." kataku sayu.

"Mengapa kita tidak perlu melakukan? Dia ayah kita. Ayah milik kita, milik ibu. Ayah sudah jauh berubah, dia tidak seperti dahulu." Luah Niah sinis

"Bukankah ayah sudah menikah, kenapa kita mestikan meruntuhkan masjid yang telah dibina …." Aku membalas balik.

"Perempuan itu mendirikan masjid atas keruntuhan rumah tangga ibu, keluarga kita. Biarkan dia, kita tidak perlu memberi simpati kepada perempuan yang telah merampas ayah. Kalau dia perempuan yang baik, dia tidak akan melukakan hati seorang perempuan, kaum sejenis dengannya," kata Niah. Dia begitu berani mempertahankan haknya.

Aku tercenung, sesuatu yang tidak sanggup aku lakukan. Aku sangat menghormati ayah, selalu aku berfikir bahawa setiap keputusan yang ayah lakukan mungkin itulah takdirnya, takdir kami berkongsi kasih sayang.

"Kalau benar ayah mencintai ibu, mengapa ayah bernikah? Apakah ayah tidak terfikir bagaimana perasaan ibu? Mana kasih sayang ayah itu? Sayang konon, tetapi hati ibu dilukai, hati kita diseksa," Niah menghujani aku dengan hujah-hujah yang membuatkan hatiku rawan, dan tidak dapat aku memberikan jawaban. Aku terhukum antara kemelut ayah dan ibu.

"Niah, ada keputusan yang tidak boleh kita paksa untuk mengubahnya, keputusan yang hanya ayah tahu apa sebabnya. Kita tidak perlu terlalu memburunya dengan pertanyaan mengapa dan mengapa. Bukankah apa yang berlaku dalam hidup kita adalah suratan takdir. Kita hidup melalui takdir yang telah tersurat di dalam lohmahfuz," kataku lembut. Aku memujuk Niah untuk menerima semua takdir

dalam hidup kami tanpa mempersoalkan, walau hatiku sendiri berbolak-balik. Sebagai abang aku harus menjadi pendamai.

"Mengapa kita harus berpura-pura tak sedih? Mengapa kita tak berjuang sahaja merebut ayah kembali? Kenapa kita membiarkan orang lain memusnahkan kebahagian kita, hati ibu," Niah mengobarkan amarahku. Aku menarik nafas panjang.

"Adakah abang terfikir, apabila ayah akan memiliki anak daripada isteri mudanya, apakah kita boleh memilik ayah lagi? Baru setahun ayah menikah, tingkah ayah sudah berubah, kalau bertahun-tahun perempuan itu akan terus memujuk ayah, kita semakin atau mungkin kita tersingkir daripada hidup ayah," Sambung Niah. Ada air jernih mengalir di pipinya. Dia cepat-cepat mengesat dengan hujung belakang tangannya.

Aku terkedu. Kata-kata Niah membuat hatiku galau. Air matanya membuatkan aku tambah menderita. Aku tidak suka melihat air mata berguguran daripada orang-orang yang aku sayangi.

"Bagaimana kalau nanti kita sakit, siapa yang akan menjaga kita. Sejak ayah bernikah, jarang-jarang ayah balik ke mari. Ayah seperti sudah terpukau oleh isteri baharunya. Ayah asyik berkepit dengan isteri mudanya itu. Bagaimana dengan setahun dua nanti, mungkin ayah sudah melupakan kita, dan ibu? Siapa yang akan membantu ibu?" Air mata Niah semakin deras.

Aku memandang Niah dengan pandangan yang tidak berkedip. Niah yang baru berusia 17 tahun itu begitu berfikiran jauh ke hadapan. Mungkin dia seorang wanita, maka dia lebih memahami hati ibu. Dia lebih merasa apa yang ibu rasakan. Kami berpandangan, kehilangan kata-kata. Aku tahu Niah begitu gundah memikirkan kesedihan hati ibu. Ibu sakit hati, Niah yang terluka.

"Sebagai anak lelaki dan anak sulung, abang kena bertindak, abang mesti melakukan sesuatu demi ibu dan kita. Kalau abang benar-benar sayangkan ibu dan keluarga kita, kita ambil balik hak kita. Kita berjuang untuk merampas ayah." Niah begitu nekad.

Aku semakin terpanah dengan kata-kata Niah. Niah berkata mengikut emosinya. Niah langsung tidak memikirkan hati ayah, dan aku mana mungkin boleh melakukan sesuatu yang telah berlaku, lainlah kalau masih dalam perancangan. Ayah sudah menikah, perempuan itu telah sah menjadi isteri ayah. Ibu juga tidak memprotes, tetapi adikku yang seorang ini mengalahkan ibu.

"Abang mesti bertindak. Niah akan bantu abang. Abang jangan fikirkan hati orang lain, tetapi fikirkan hati ibu dan hati kita yang wajar abang jaga. Semua ini untuk masa hadapan kita." Niah menyambung lagi.

Aku menggeleng-geleng, aku lihat hati Niah telah bulat untuk merampas ayah. Aku tidak tahu kenapa ibu tidak dilindungi oleh keluarganya. Bukankah mereka juga ada hak untuk melindungi ibu, agar ibu tidak

diperlakukan sedemikian. Ibu bertarung dengan ketabahannya sendiri. Ini dapat kutafsir daripada wajahnya yang tenang.

"Niah kena belajar menerima takdir ini, seperti mana ibu tabah menerima takdirnya." Aku menenangkan hati Niah.

"Abang tak rasa sedih?" tanya Niah.

Aku tatap wajah Niah. Apakah dia tahu api kemarahanku yang masih membara. Aku tidak dapat meluahkan kelukaan dan kemarahanku kepada ayah saat aku mendengar ayah telah menikah lagi. Tetapi semuanya aku pendam demi untuk menjaga hati ibu. Sebagai anak yang masih muda, aku bertindak berdiam diri, aku menyembunyikan luka dan dukaku seorang diri. Aku tidak mahu berkongsi dengan sesiapa apa lagi dengan Niah. Apabila keluarga ibuku berbisik-bisik bercerita tentang ayah, aku pura-pura tidak mendengar.

'Ya Allah, amat berat ujian ini aku tanggung.' Saat aku mula membenci ayah, ibu menasihati aku dengan lemah lembut. Ibu kata, aku sebagai anak tidak boleh masuk campur masalah orang tua. Ibu mahu aku menghormati ayah dan menyayangi ayah tanpa menyimpan sebarang dendam dan sakit hati. Dendam dan sakit hati umpama barah yang akan menyeksa, kata ibu. Ibu mahu kami menerima semua itu sebagai takdir yang telah tersurat dalam hidup kami tanpa mempertikaikannya.

"Abang dengarkah apa Niah cakap?" Mata Niah besar menatap wajahku seperti mahu menelan tubuhku. Aku gelisah, ada juga keinginanku mengikut cadangan Niah, tetapi separuh hatiku terkunci. Entahlah barangkali aku penakut, tetapi yang pasti aku tidak mahu menyalakan api kemarahan ayah. Aku tidak mahu ayah kecewa dengan sikapku, meskiku tahu derita ibu lebih parah. Apa pun dia tetap ayah yang wajar dihormati.

"Abang tolonglah bertindak," rayu Niah.

"Boleh tak kalau bercakap menggunakan akal yang waras?" Akhirnya aku bersuara. Aku tatap wajah Niah yang muram, air jernih bergenang di kolam matanya, perlahan-lahan mengalir di pipinya yang gebu itu. Aku lebih terharu.

"Abang, ini soal hidup kita, soal hati ibu. Kalau bukan abang yang bertindak, mahu tunggu siapa lagi?" Niah tegas.

"Abang tidak boleh melakukannya." Akhirnya aku berterus terang. Aku tidak berdaya untuk melakukan sesuatu yang begitu biadap sebagai seorang anak. Selama ini ayah tidak pernah mengajar kami menentang

sesuatu yang ayah telah putuskan, meskipun keputusan ayah itu bercanggah dengan kehendak kami.

"Niah kasihan melihat ibu. Jika benar abang sayang akan ibu dan keluarga ini abang beranilah membuat tindakan." Niah seolah-olah mencabarku.

"Niah, jangan sesekali mengajar abang melawan ayah, itu derhaka namanya." Aku terpukul dengan kata-kata Niah.

"Derhaka?" Niah bertanya kasar.

"Ya ... Perbuatan kita melawan ayah itu derhaka, kita menyakiti hati ayah, melukakan hati ayah hukumnya berdosa." Aku cuba menjelaskan kepada Niah.

"Itu bukan derhaka, tetapi itu mempertahankan hak kita, hak ibu," kata Niah.

Aku berpaling kepada ibu yang sedang menuju ke arah kami. Aku dan Niah berpandangan. W

Kad

Pesan bestari
memegang kad teraju tidak bermakna unggul
pemegang kad nil bukan tidak berwarna
kepintaran bukan hanya kemahiran kerana kemahiran abstrak sifatnya
pesannya lagi
harus waras memainkan kad bukan lorong sensitiviti tapi kematangan dan kesusilaan.

Waras ...
banyak tanda tapi tiada peta
bentuk juga pelbagai acuan.

Kesusilaan ...
kesusilaan bagaikan teka silang kata
berada di kotak yang benar tidak semestinya tepat
berada di luar kotak tidak semestinya hampas
apalagi kala kad unggul tiba-tiba menjunam sedang kad terkecil terlontar tepat pada waktu yang paling sesuai ....

Mariam Omar

Rahsia *Emmak*

oleh **NORAINI OSMAN**

Kenapa aku perlu ke sini jika sekadar hanya untuk menghitung luka dan mengulangi sengketa? Aku menyoal diriku berulang kali untuk mencari kebenaran dalam kesamaran.

Apakah kerana sebiji gula-gula, akhirnya aku duduk di dalam perut bas Dayana ini untuk menemui wajah yang pernah melukakanku? Tidak! Dia tidak pernah melukakan aku. Tidak pernah! Dia terlalu baik untuk melukakan aku! Dia terlalu baik!

Dia hanya tunduk kepada tekanan dan arahan seseorang yang disayanginya. Dia terlalu taat kepada *onggok*nya. *Onggok*ku tidak pernah menyalahkan *emmak*. Aku berasa pelik sekali dengan segala kejadian. Seperti ada satu keajaiban antara mereka sehingga tidak saling menyalahkan sesama sendiri. Selama bertahun-tahun aku mencari punca kehilangan *emmak* dalam hidupku. *Onggok* pula masih sudi memaafkan *emmak*!

Aku tahu aku sudah melukakan *onggok*ku sendiri tetapi aku juga tidak mahu mendukacitakan *emmak*. Aku berada dalam timbunan kekeliruan yang sukar hendak aku rungkaikan. Nasihat *onggok* payah sungguh hendak aku robohkan seperti tembok teguh binaan di zaman perang. Melanggar kata-kata larangan *onggok* sama seperti aku menjadi anak derhaka. Namun, dalam waktu yang sama aku tidak mahu *emmak* terluka.

"Syukur anak *emmak* datang, *ngentom* aku sama kau nak." Ada rasa perit menyeruak di dalam dada. Aku turut terkejut. Tubuh tua itu telah susut hampir 80 peratus daripada tubuh asalnya. Dahulu dia seorang lelaki yang agak gemuk. Dan yang lebih aku tidak suka, dia suka mengarah *onggok* masak itu dan ini. Aku mengangguk dalam timbunan rasa cuak. Namun aku tetap gagahkan diri untuk

menyalami tangan tua itu. Kalau boleh aku mahu berlari meninggalkan lelaki yang tega menghancurkan kehidupan kami berbelas tahun lalu.

Ah, kenapa kau tinggalkan aku semasa kecil dahulu *emmak*, semata-mata kerana desakan kuat *ombok*? Kenapa *emmak*? Kenapa kalau *emmak* kahwin lain, *emmak* sudah dikatakan mencerobohi leluhur *emmak* sendiri? Tuhan menggalakkan kita berkenal-kenalan dengan bangsa lain sedangkan *ombok* meminta sesuatu yang dilarang Tuhan, iaitu penceraian dengan *onggok*? Kenapa *emmak*? Ah, suaraku tenggelam dalam penanggungan perasaanku yang maha berat.

"Adawiyah harus memaafkan *emmak*, walau bagaimanapun beratnya apa yang pernah kita tanggung, dia tetap *emmak* Adawiyah." Ah, kenapa *onggok* terlalu pemaaf kepada mantan suaminya yang tega meninggalkan dia tanpa sebarang berita bertahun-tahun itu? Kenapa ditakdirkan *onggok* begitu baik hati?

Akhirnya lelaki itu hanya mengirim surat cerai tanpa berita sehinggalah minggu lalu *Ombok* Yam memberitahu *emmak* sakit tenat di hospital Tong Talun. Kalau ikutkan hati marahku dan sakit hati yang menggila ini, aku tidak akan menjejak kakiku untuk menziarahi *emmak* di kampungnya ini. Tindakan *emmak* dahulu memang tidak dapat aku maafkan. Namun, kenapa *onggok* di hadapanku ini terlalu pemaaf? Tidak ada sedikit pun bencinya kepada *emmak* yang telah menganiayai dan mengalihkan rasa cinta untuknya.

"Perlukah saya pergi *onggok*, sedangkan kerja pejabat saya bertimbun, dan saya tidak ada pengganti?" Pada mulanya aku cuba memberi alasan. Kulihat mata *onggok* sudah berair. Kenapa *onggok* terlalu kecewa dengan sikapku pula? Kenapa dia tidak membenci *emmak* yang telah menjungkarbalikkan hatinya suatu musim yang lalu?

"Dia tetap *emmak* kau Adawiyah! Dalam dunia ini, bolehkah kau mengakui mana-mana lelaki sebagai *emmak*?" suara *onggok* bergema di pendengaran ingatanku.

Jadi, sekarang aku sudah berada di hadapan lelaki Tong Talun ini. Namun aku bukan anak kecil yang termakan pujukan dengan sebiji gula-gula, atau kerana sebatang putu tetapi aku hanya menyampaikan amanah *onggok* kesayanganku. Jika tidak, aku sudah berpaling dari lelaki yang menganiayai *onggok* ini. Air mataku berhamburan keluar seperti air yang keluar dari pancuran semasa hujan.

"*Angai, hambal bilahi takka mitu*?" Sekali lagi soalan itu memualkan dadaku. Tolonglah *emmak*, jangan bina soalan yang tidak masuk dek akal itu. Aku datang ke sini kerana aku hendak menziarahi *emmak* yang sedang sakit,

kononnya terlantar di hospital dua minggu lamanya. Sekarang *emmak* sudah berdiri di depanku, di depan pintu bas Dayana ini. Kenapa *emmak* mahu kelihatan sihat walhal sebenarnya dia sakit? Kenapa *emmak* mahu berpura-pura di depanku? Kesedihan menjangkau celah hatiku. Demi melihat kedatanganku seharusnya *emmak* berehat di hospital bukannya berdiri di depanku sekarang ini. Namun aku tetap menyalami tangan tua *emmak* yang sejuk dan terketar-ketar itu.

"*Emmak*, kenapa *emmak* tidak berehat saja. Saya tahu rumah *emmak*, tak perlu *emmak* menjemput saya segala," ujarku agak kasar. Bukan aku bertujuan hendak menyakiti hatinya. *Emmak* menyengih. Aku melihat wajah tua memucat itu tersenyum mungkin cuba mengambil hatiku. Aku bertambah cuak.

"Tidak, *emmak ngintom ka kau nak*." Aku turun dan terus menyalami tangan ayah. *Emmak* terus memeluk aku. Mukaku masam. Sebenarnya aku tidak suka akan pembohongan *emmak* ini. Kalau *emmak* sayang akan dan rindu akan aku, kenapa *emmak* meninggalkan aku sejak usiaku lima tahun lagi? Kenapa tidak ada sedikit pun belas kasihan ketika meninggalkan aku? Soalku penuh marah tetapi suaraku bersekongkol dengan diamku. Sakit sungguh hatiku. Hanya mata tegangku sahaja yang berkomunikasi dengan mata *emmak*.

"*Angai nak*? *Angai* kau marahkan *emmak*?" soal *emmak* pula. Aku mengerutkan dahiku. Sepatutnya *emmak* mempedulikan perasaan marahku dan bukannya meminta aku menjaga perasaannya sahaja.

"Tapi ..." aku tidak sampai hati hendak menyakiti hatinya kali ini walaupun dia menyakiti hati *onggok* berkali-kali.

"Mari kita singgah makan di gerai sana, kita makan lato', lato' kan makanan kegemaran kau nak," kata *emmak*. Mahu terhambur air mataku mendengar keprihatinan *emmak*. Namun, ketidakprihatinannya selama ini lebih menyembelih perasaan kasihku terhadapnya.

"Kita bungkus saja *emmak*, kita makan di rumah dengan *mbok* dan atuk. Mereka ada di rumahkan?" kataku masih mengingati *mbok* dan atuk walaupun mereka turut sama bersubahat dalam perancangan halus memisahkan *emmak* dan *onggok*. Mungkin dia hendak bersendirian denganku.

"Tak. Kita makan di sini saja." kata *emmak* tidak menyetujui rancanganku. Dia pun membeli lato', putu, tompek, sagol dan ikan bakar. Itu memang makanan kegemaranku walaupun tempat tinggalku di pedalaman Sabah ini, makanan ini sukar didapati. Mungkin darah Bajau yang mengalir di tubuhku ini menyebabkan aku tidak pernah melupakan makanan kegemaran *emmak* ini. Kata *onggok*, ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi. Takkan ke batu!

Selama berbelas tahun aku tidak pernah bertemu dengan *emmak*. Dia juga lebih suka melakukan tugasnya sendiri tanpa mahu mengingati aku dan *onggok* mantan isteri yang ditinggalkannya dengan sepucuk surat lafaz cerai. Entah apa yang membuat *emmak*

bersungguh-sungguh hendak menceraikan *onggok*, padahal *onggok* menyayangi *emmak* sepenuh hatinya. *Onggok* melepaskan aku ke sini kerana dia masih terkenangkan kasihnya kepada *emmak*, jika tidak dia pasti melarang aku habis-habisan. Nenekku sebelah *onggok* berhabisan melarang aku ke bumi Tong Talun ini.

"*Emmak* sihat?" soalku ketika kami sama-sama menjejak ke restoran di atas air itu. Kampung Air, iaitu kampung *emmak* tidak jauh dari pekan. Kampung itu juga terletak di atas air.

"Ya sihat. *Emmak* macam tak sihat?" Kata *emmak* dengan senyum palsunya. Aku renung matanya dengan tajam mencari kebenaran. Tetap terpahat kepiluan di hati menatap wajah pucat, keliling mata hitam dan tubuh yang semakin kurus itu. Dahulu tubuh *emmak* tegap macam Malik Noor. Ke mana sudah hilangnya lemak dan tubuh besar *emmak* yang dahulu? *Emmak* menundukkan pandangannya. Mungkin kalah dengan pandanganku.

"Kenapa *mbok* beritahu saya yang *emmak* di hospital selama dua minggu, *emmak* sakit apa?" soalku tidak puas hati dengan jawapan *emmak*. Aku datang ke sini kerana *mbok* memberitahu mereka akan membuat *magkiparat*, iaitu bermaaf-maafan sesama ahli keluarga dan sahabat handai untuk *emmak* yang sedang sakit tenat. Aku sengaja tidak membenarkan *onggok* datang ke Tong Talun ini. Tetapi, *emmak* sebenarnya sakit apa? *Emmak* diam seperti batu pula. Kenapa *emmak* perlu berahsia denganku. Kenapa? Apa salahku?

"Kenapa *emmak*? Kenapa *emmak* berahsia dengan aku walaupun setelah berpisah belasan tahun lalu?" desakku dengan perasaan yang tidak puas hati seperti tadi.

Ah, kedatanganku ke sini kerana hendak menyertai aktiviti *magkiparat* yang akan dilakukan oleh *mbok* tetapi kenapa aku seolah-olah menjadi singa lapar yang hendak menelan semua kejahatan *emmak* selama ini? Aku sanggup bercuti selama dua hari demi untuk menghadiri upacara mengikut adat istiadat *emmak* ini. Kenapa aku tidak menguburkan semua dendam yang aku ada dengan kemaafan tulus seorang anak buat *emmak*nya?

Emmak duduk di kerusi kayu itu. *Emmak* seperti kelelahan selepas kami makan tadi. Aku turut terduduk di sisi *emmak*. Rumah kelihatan sepi. Tidak ada sesiapa yang ada di situ. Ke mana *mbok* dan atuk? Mereka tidak kelihatan sejak aku tiba di rumah ini.

"*Emmak* bukannya hendak berahsia dengan anak *emmak*. *Onggok* juga tidak bersalah dalam hal ini. *Onggok* orang yang paling *emmak* sayangi sepanjang hidup *emmak*. Kenapa harus *emmak* tinggalkan dia bersama-sama buah hati *emmak* yang comel ini. Tetapi ada sesuatu yang telah berlaku menyebabkan *emmak* terpaksa mengambil tindakan tidak munasabah itu. *Emmak* sayangkan kamu berdua sayang," Aku cebik bibir nipisku seolah-olah tidak percaya. Aku benci melihat

emmak berpura-pura di depanku. *Emmak* tarik aku ke pelukannya. Aku memegang belakang ayah yang seperti tulang dibaluti kulit sahaja itu.

"Apakah yang mendorong *emmak* sehingga meninggalkan *onggok* dan aku, *emmak*? *Emmak* sepatutnya berterus-terang dengan *onggok*, jangan sampai dia tertunggu-tunggu kenapa *emmak* tak pulang-pulang berbelas-belas tahun lamanya. Lepas tu *emmak* hantar pula surat cerai. Siapa yang tidak meraung *emmak*?" Aku menangis di bahu *emmak*. *Emmak* begitu sampai hati meninggalkan aku dan *onggok* di kampung dalam kesusahan, dan sumpah seranah orang kampung. Kalau *onggok* tidak tabah sudah lama dia gila atau pergi meninggalkan aku. Namun aku tahu *onggok* seorang wanita hebat menanggung gelombang hidup.

"Biarlah, hanya *emmak* yang tahu. Biar hanya *emmak* yang simpan sampai *emmak* mati." sahut *emmak*. Aku terasa sayu sekali mendengar pengucapan terakhir *emmak*. Kenapa *emmak* nak simpan sampai mati pula? Sudah 16 tahun kami tidak bertemu dan di sisiku ini dia masih mahu menyimpan rahsianya? Kenapa *emmak* begitu tega? Kenapa *emmak* begitu jahat sehingga menyimpan rahsianya menjadi simpulan dendamku yang teguh?

"Sepatutnya *emmak* ceritakan sebelum proses *magkiparat* ini dan bukan menjadikan ia rahsia abadi? Bila lagi *emmak* nak cerita? Sampai *emmak* masuk liang?" Ah, soalanku terlalu menyengat perasaan *emmak* namun aku terpaksa berbuat demikian. Jika tidak, *emmak* tidak akan merobohkan tembok rahsianya. Bagiku, saat ini adalah saat yang sangat sesuai untuk *emmak* melafazkan rahsianya. *Emmak* kulihat menggosok-gosok mukanya. Entah apa yang sebenarnya menjadi rahsianya, sehinggakan aku semakin dihantui pertanyaan-pertanyaan yang nol jawapan.

"Nanti kau akan tahu juga," makin marak mataku memandang *emmak*. *Mbok* Yam datang kepadaku sambil memeluk bahuku. *Mbok* Yam sudah duduk di sisiku. Aku tidak tahu bilakah dia datang dan duduk di situ. Aku turut memeluk tubuh kurus itu.

"*Onggok* tidak perlukan wang ringgit *emmak* untuk menghidupkan kami berdua. *Onggok* ada kerja tetapi pemergian *emmak* dalam diam menjadi tanda tanya selama-lamanya. Sekarang pun saya sudah kerja, tak perlu wang *emmak* untuk menanggung saya!" kataku tidak mahu mengalah, selagi aku tidak mengetahui punca sebenar mengapa lelaki itu meninggalkan kami dahulu. Muka kecut *emmak* semakin kecut mendengar kataku. Apakah aku terlalu ego di hadapan *emmak* sendiri?

"Sudahlah cu, jangan desak *emmak*. *Emmak* tak kuat sekarang, jantungnya lemah. Tapi cucu akan tahu sedikit waktu lagi." kata *Mbok* Yam dengan wajah kelat itu. Aku tahu inilah wanita yang banyak menyumbang porak-peranda keluarga kami. Jika bukan restunya, *emmak* tidak akan kahwin lain dan menceraikan *onggok*. Apakah itu satu jawapan yang kutunggu-tunggu selama ini? Ah, kedua anak beranak di depanku ini memang pelakon hebat dan mantap.

"*Mbok* tak faham perasaan kami selama ini." *Mbok* Yam menepuk-nepuk bahuku.

"Jangan kesal dengan semua yang telah terjadi cu, mungkin ada hikmah yang kita tak terpandang selama ini." Keningku berkerut beribu dan mataku mencerlung tajam memandang wanita tua di sisiku ini.

Apakah sebenarnya yang berlaku sehingga mereka menganggap meninggalkan keluarga

"Jangan kesal dengan semua yang telah terjadi cu, mungkin ada hikmah yang kita tak terpandang selama ini." Keningku berkerut beribu dan mataku mencerlung tajam memandang wanita tua di sisiku ini.

atau lari daripada tanggungjawab berpuluh tahun lamanya tersimpan hikmah yang hanya Allah sahaja yang tahu? Amalan apakah yang mereka bawa sehingga keyakinan terhadap pengabaian keluarga itu terkandung hikmah yang tidak sesiapa ketahui? Kalaulah mereka tahu betapa keangkuhan dan senyuman mereka menjadi bakteria yang menambah kebencianku terhadap keluarga *emmak*ku ini.

"Saya belum pernah mendengar mengabaikan keluarga sendiri tanpa nafkah zahir batin itu mengandung hikmah *mbok*, entah apakah pegangan kamu sehingga kamu semua menjadi begini yakin!" Aku sudah hilang sabar sebenarnya. Kenapa *Mbok* Yam di sisiku perlu membohongi aku sejauh ini. Bagiku dia tidak perlu membuat pembohongan seteruk ini. Kalau kata maafpun yang *emmak* ucapkan kepadaku, itu sudah cukup. Jangan menambah sandiwara di depanku lagi. Aku juga sudah cukup matang untuk mencerna semua tingkah laku yang mereka lakukan selama ini. Kenapa harus berterus-terang dengan melakukan pembohongan dan menambah lakaran duka di kanvas hidupku?

"Bukan begitu sayang, jangan salah faham. *Onggok* tidak bermaksud hendak menambah sakit hatimu, percayalah. Memang *emmak* akui masih ada cinta untuk *onggok* dan anak *emmak* ini namun ada sebab kenapa *emmak* begini. Mungkin satu hari anak *emmak* ini akan faham," aku tetap tidak puas hati dengan jawapan *emmak*. Kata-kata *emmak* semakin berbelit-belit seperti ular membelit mangsanya.

"Balik-balik itu yang *emmak* nak cakap. Balik-balik itu!" kataku tidak puas hati. *Mbok* Yam menyapu bahuku. Suasana sangat sunyi seperti berlakunya kematian saat itu. Hanya kedengaran desiran ombak dari bawah kolong rumah *mbok* ini. *Emmak* diam menekur muka ke lantai papan itu. *Mbok* merenung jauh ke laut. Aku pula duduk memandang ke ruang luar sambil memerhatikan bulan sedang mengambang penuh.

"Nawaitu *emmak* tidak sama dengan apa yang telah berlaku," Itu sahaja yang *emmak* jawab sebelum dia pengsan pada hari majlis *magkiparat* dibuat. Geramku sampai ke puncak sebenar.

*****

"Pasti ada perkara yang *mbok* hendak beritahu sayakan," kataku selepas upacara *magduwa a* diadakan pada *bahangi pituk*. Aku melihat sendiri air yang mengalir deras dari kolam mata wanita tua itu.

"Sebenarnya, nenek sebelah *onggok*mu yang mendesak-desak *emmak* ceraikan *onggok*. Katanya, *onggok* berpenyakit. *Emmak* tidak selayaknya menemani *onggok* kau sepanjang hidupnya, *emmak* miskin dan tidak ada pekerjaan tetap. Kata nenek kau lagi untuk mengubati penyakit *onggok* nu, *onggok* memerlukan wang yang banyak." Kata *Mbok* Yam. Aku ternganga. Takkan hanya sebab seremeh itu nenek meminta sesuatu yang

menimbulkan bala kesusahan kepada kami sepanjang hidup ini? Apakah kenyataan ini benar atau sebenarnya hanya sebuah ironi ciptaan untuk menutupi kesalahan *emmak*?

"Apakah *Mbok* Yam masih hendak berbohong dengan saya walaupun pusara *emmak* merah?" Soalku yang masih tidak mengerti akan hakikat sebenarnya.

"Buat apa *mbok* hendak berbohong?" kata *Mbok* Yam membuntangkan mata tuanya. Aku terkaku.

"Kenapa selama ini saya tidak diberitahu?" Kekesalan bertalu-talu menumbuk-numbuk sanubariku. *Mbok* Yam menggeleng.

"*Mbok* ingat pasti *onggok* kau sudah berterus-terang dengan kau, kenapa pula kamu menyepi dan tidak pernah menjenguk *emmak* dan *mbok* di sini!" kata *Mbok* Yam. Apakah dia hendak melepaskan batuk di tangga dengan menuding kesalahan di mukaku? Uh, *Mbok* Yam tidak sepatutnya berasa begitu. Aku yang sepatutnya menyalahkan dia.

"Kenapa *onggok* ti ... tidak pernah memberitahu saya *emmak*?" *Mbok* Yam menggeleng.

"*Mbok* tidak tahu. Tanyalah *onggok*. Tapi sebaiknya kita buang yang keruh ambil yang jernih sahaja. *Emmak* kau pun sudah tak ada. Biarlah kita semua jadikan perkara ini sebagai satu pengajaran dan yang tak elok jadikan sempadan." kata *Mbok* Yam. Benar, *Mbok* Yam tidak seperti yang digambarkan *onggok* dan nenek di kampung.

Hari ini merupakan hari terakhir aku berada di kampung *emmak* ini. Kenduri arwah akan diadakan sebelum waktu zohor. Aku melihat *Mbok* Yam sibuk menyediakan makanan yang dihidangkan di dalam talam sebelum didoakan oleh imam dan jemaah yang hadir. Makanan yang wajib disediakan ketika ini ialah nasi campur dan air putih, di samping lauk-lauk yang lain. Makanan dihidangkan di dalam *kok dulang*, semua lauk yang berada *kok dulang* akan diberikan kepada imam untuk dibawa pulang.

Selepas upacara *tapus bahangi* diadakan dan *bangkai-bangkaian* telah selesai dihantar ke rumah imam, aku menziarahi pusara *emmak*. Aku memohon kemaafan dan keampunan kepada *emmak* kerana sepanjang hidupnya, aku hanya berburuk sangka mengatakan *emmak* melupakan tanggungjawab dan amanah Tuhan kepadanya. Aku meminta agar *emmak* memaafkan segala dosa-dosaku selama ini.

Kini, bagaimana aku hendak menghapus prasangka yang tidak pernah kering sepanjang hidup *emmak* kalau *emmak* tidak mengampunkan aku? Aku seperti ayam menggelupur selepas disembelih! W

Glosari

Onggok - Emak
Emmak – Ayah
Mbok - Nenek
Tong Talun - Semporna
Magkiparat – Bermaaf-maafan sekiranya seseorang itu sakit atau hendak ke Mekah
Angai - Mengapa
Magduwa a – Berdoa
Tapus bahagi - Proses menyerahkan semua barang tempat tidur (*bangkai bangkaian*) tersebut kepada imam yang datang mendoakan pagi petang di rumah tuan rumah. Ianya dianggap sebagai sedekah untuk si mati.
Kok dulang – Talam
Nasi campur - Nasi kuning dan nasi putih diterap dalam mangkuk sehingga menjadi nasi berlapis kuning dan putih. Di atas nasi tersebut akan diletakkan sebiji telur rebus, manakala di bahagian tepi dihiasi dengan kuih panyalam.
Bangkai-bangkaian – Semua tempat tidur si mati
Kuih Panyalam – Kuih Penyeram

Saat Aku Jadi Pengantin

Saat aku jadi pengantin
aku dimandikan seluruh tubuh
aku digosok mesra sebersih-bersihnya
aku disucikan sesuci-sucinya.

Saat aku jadi pengantin
aku dipakaikan gaun putih
gaun putih yang penuh
dengan wangian
berlapis-lapis dengan sempurna.

Saat aku jadi pengantin
aku dimahkotakan di kepala
aku berkalung di badan
dan aku bergelang kaki.

Saat aku jadi pengantin
aku diusung dan diarak
menuju pelamin
pelamin tempat aku beradu
beradu bersama pasanganku.

Saat aku jadi pengantin
saudara mara, jiran tetangga,
sahabat handai
menghantar aku buat kali terakhir
bersama wajah yang pelbagai
tenang, sabar, ikhlas, duka, sayu,
kecewa dan tangis
penuh warna warni.

Saat aku jadi pengantin
aku menunggu penuh debar
apabila kadi liang lahat
berjabat mesra dengan pasanganku
yang disaksikan tiang-tiang nisan
penuh makna dan rahsia.

Norgadis Labuan

Aksara

Setiap huruf terpisah
pada aksara
mengisi nama
keturunan
warga
pada setiap satunya juga
menjadi pengenalan
tentang
pilihan.

Aksara memisahkan
agar huruf jadi sempurna
menyimpul ikatan kata dan cerita.

Aida Ar

Di Penghujung Senja

oleh **ROZELINE VITALIS**

Angin sepoi-sepoi bahasa bertiup perlahan-lahan. Pepohon nyiur kian melambai-lambai. Kelihatan, burung-burung berkicau riang kembali ke sarang. Mak Miah melontarkan pandangannya ke suatu sudut. Kelihatan, kanak-kanak masih lagi bersorak riang sambil bermain ketingting permainan kesukaan mereka. Mak Miah tersenyum sendiri. Ada ingatan yang membaur kenangan ketika kecil dahulu. Dia beralih ke beranda rumah. Ternyata, suasana damai pada petang itu tidak menggambarkan ketenangan hatinya. Ada sesuatu yang membening di dada pilunya.

Mak Miah merenung nasib dirinya yang serba kekurangan, jauh sekali memiliki harta

yang melimpah ruah. Apatah lagi menikmati makan yang seenak rasa. Sering kali dia menahan lapar. Untuk meminta jauh sekali. Kadang kala, dia meratap nasib. Mengapa suratan hidupnya tidak seperti insan lain. Namun, dia tetap reda dan pasrah.

Mak Miah menarik nafas lega. Tanpa melengahkan masa, dia keluar mencari sesuatu yang boleh dijadikan santapan pada malam nanti. Cukuplah dengan ikan gelama digoreng garing. 'Kalau dimakan dengan ulam pucuk paku atau jantung pisang bercicahkan sambal belacan, tentu sedap,' bisik hatinya.

Matanya terpaku apabila tiba di halaman rumah. Jelas akan kedaifan rumahnya yang menanti retak. Beginilah lumrah hidupnya, yang serba kekurangan. Pandangannya beralih kepada pokok pisang dan betik yang tumbuh di sekeliling rumahnya. Tidak keterlaluan jika dia mengatakan, apabila kehabisan bekalan makanan, Mak Miah akan memakan buah pisang atau ubi kayu sahaja. Hendak makan ayam panggang dan daging jauh sekali.

Alam semakin kelam, senja menutup tirainya. Mak Miah memandang sekeliling rumahnya. Lagu sunyi menemaninya. Kesepian mencengkam jiwa. Sesekali, cengkerik malam mengalunkan iramanya. Kerdipan si kunang-kunang mengindahkan mata.

Mak Miah melangkah masuk ke dalam rumahnya. Potret lama tergantung lesu. Wajah ibu bapanya menerjah mata. Imbauan kenangan kembali bertandang.

“Sebenarnya, Miah mempunyai empat orang adik-beradik, tetapi malangnya mereka lebih dulu menyahut panggilan Ilahi kerana diserang penyakit ganjil.” Cerita arwah maknya.

Dan dua tahun lepas, ibunya pula meninggalkannya. Kini, tinggallah Mak Miah sebatang kara. Ke mana hendak dicurah dan melerai kasih. Insan tersayang sudah tiada di sisi, dan yang tinggal hanyalah kenangan yang tak mungkin terpadam dari kotak ingatannya. Mak Miah menyapu air mata yang bergenang di pipi.

'Tuhan, cucurilah rahmat atas roh mereka. Berikanlah aku ketabahan dan ketenangan dalam menjalani liku perjalanan hidup yang penuh dengan ranjau dan duri ini,' getus hati Mak Miah.

Mak Miah mengalihkan pandangannya di bingkai gambar perkahwinannya. Azmi, yang telah berjaya merebut hati gadisnya sepuluh tahun yang lalu. Pada awal perkahwinan mereka cukup bahagia. Namun, langit tidak selalu cerah, keindahannya hanya sementara. Mak Miah gagal menjadi seorang wanita yang sempurna, dia tidak mampu melahirkan zuriat buat pelengkap rumah tangga mereka.

“Miah, maafkan abang. Abang inginkan zuriat.” Itulah ungkapan suaminya pada suatu malam.

“Maksud abang?”

“Abang ingin berkahwin lagi.”

“Jangan tinggalkan Miah bang,” rayu Mak Miah kepada suaminya.

Namun sayang seribu kali sayang, rayuan dan tangisannya tidak dihiraukan. Atas desakan inginkan anak, dalam diam suaminya telah menjalinkan hubungan dengan wanita lain sehingga mereka ditangkap khalwat. Kerana tidak sanggup berkongsi kasih, akhirnya Mak Miah memilih jalan hidupnya sendiri. Ah! biarkan segalanya berlalu.

Mentari datang dan pergi. Begitulah juga dengan titian kembara ini. Apa pun, kehidupan mesti diteruskan. Selagi noktahnya belum berakhir, Mak Miah enggan menyerah kalah. Dia takkan menoleh lagi pada kisah-kisah yang menyayat hati. Dia ingin menjalani episod hidup dengan lebih tenang dan bahagia. Mak Miah yakin, jika dia ikhlas dan sabar dalam segala hal, tentu doanya dimakbulkan oleh Allah SWT. Kerana sesungguhnya, Allah maha mendengar doa orang-orang yang berdoa kepada-Nya, Allah tidak akan menguji umat-Nya di luar kemampuan-Nya.

Rekahan pagi menampakkan wajahnya.

Mak Miah meneruskan langkah dan nawaitu yang satu. Tidak jauh dari rumahnya, ada sebatang sungai Pegalan. Sungai itu sudah lama berbakti kepada ahli keluarganya. Dia membesar hasil daripada tangkapan ikan di situ.

Entah mengapa, setiap kali memandang sungai itu, hati Mak Miah menjadi rawan. Mungkin juga kerana sungai itu banyak menyimpan sejarah suka dan duka kepada dirinya. Sambil menunggu ikan memakan umpan pada pancingnya, Mak Miah termenung sejenak. Tiba-tiba, dirinya terkenangkan sesuatu. Peristiwa dua puluh tahun lalu, dia terdengar suara tangisan seorang bayi. Dengan keberanian, Mak Miah mendekati perahu itu. Alangkah terkejutnya Mak Miah, mendapati ada seorang bayi comel menangis di dalam perahu tersebut. 'Ya Allah, siapalah yang tergamak membuang anak ini. Tanpa simpati dan tidak berhati perut,' lirih hatinya. Begitu teganya manusia menghanyutkan bayi yang tidak berdosa itu di arus sungai. Hatinya tersayat hiba. Apalah dosa anak kecil itu sehingga dihukum sebegitu rupa.

Tanpa berfikir panjang, Mak Miah pun membawa pulang anak kecil itu. Ditatangnya bagai minyak yang penuh. Bayi yang mempunyai tanda lahir di lekuk sikunya itu diberi nama Melda Abdullah. Dibelai dengan penuh kasih sayang, apabila malam, seekor nyamuk pun tidak diizinkan untuk menggigitnya. Hari-hari Mak Miah kembali bebunga riang, rumahnya sudah tidak sunyi lagi, diisi dengan tawa hilai dan jeritan manja Melda.

Hari berganti hari, bulan berganti bulan dan tahun berganti tahun. Tanpa sedar, Melda telah membesar. Sudah cukup umur untuk diberikan ilmu dunia dan akhirat. Mak Miah berasa amat bertuah memiliki Melda. Melda dianggap sebagai anak kandung sendiri. Paling membanggakan Mak Miah apabila jiran tetangga selalu memuji-muji Melda. Melda seorang anak yang baik, bersopan santun dan berbudi pekerti.

"Mak, Melda sayangkan mak. Terima kasih kerana mendidik Melda." Ujar Melda pada suatu malam yang hening.

"Melda, mak berbangga memiliki anak sebaikmu sayang. Ingatlah, kasih mak tak pernah ada habisnya. Bila dewasa kelak, jadi manusia yang berguna. Ingat pesan orang tua dan guru-guru yang mendidikmu sayang, dan jika kau telah berjaya kelak, jangan lupa asal usulmu," balas Mak Miah dengan seititis keharuan.

Melda didakap erat. Air mata berjurai membasahi pipi. Begitulah kasih seorang ibu.

Disangkakan panas hingga ke petang, rupanya hujan di tengah hari. Apa yang diimpikan tidak semuanya terlaksana. Tanpa sedar, Melda pergi meninggalkan Mak Miah. Melda yang diharapkan supaya dapat membela hidupnya pada hari tua telah pergi meninggalkannya dengan sekeping nota.

Buat emakku yang tersayang,

Mak, maafkan Melda kerana meninggalkan mak. Melda telah mengetahui hakikat yang sebenarnya, Melda hanyalah seorang anak pungut yang dijumpai di tepi sungai. Melda amat sedih setelah mengetahui cerita yang sebenar. Maafkan Melda, izinkan Melda pergi jauh. Anggaplah Melda telah tiada di dunia ini. Terima kasih kerana mendidik Melda sehingga dewasa. Jasa Mak takkan Melda lupakan. Halalkan segala makan dan minum Melda selama ini. Melda tetap sayangkan emak.

Melda Abdullah.

Bagaikan kaca terhempas ke batu. Luruh sudah harapannya. Sungguh tak disangka Melda tergamak meninggalkannya. Air mata

tuanya berguguran, segala impiannya telah terlerai. Mungkin Melda berasa malu mengakui dia maknya, orang tua yang miskin dan tak mempunyai apa-apa. Atau mungkin Melda sudah berhijrah ke bandar dan sudah terikut-ikut dengan rakan sebayanya dan, inginkan kehidupan yang bebas dan serba mewah. Lebih-lebih lagi pada zaman kecanggihan dan serba moden ini. Tentu hati gadisnya meronta-ronta inginkan perubahan hidup. Siapalah yang mahu hidup melarat seperti Mak Miah. Mak Miah akur dengan segala kekurangan hidupnya.

Tanpa pamit, masa pun berlalu. Dedaun masa tak mungkin berulang kembali. Mak Miah terus menghitung hari. Mak Miah memandang wajahnya di cermin, jelas menampakkan kedut wajahnya yang sudah separuh senja. Mak Miah tersenyum apabila melihat sebutir tahi lalat kecil yang bersemayam indah di bawah bibirnya. Suatu ketika dahulu, tahi lalat itu telah memukau mata setiap orang yang memandangnya. Kata orang, tahi lalat di bawah bibir akan membawa tuah.Begitulah yang pernah arwah emaknya katakan. Namun, Mak Miah merasakan tidak ada kebenarannya.

Pagi Ahad yang cerah ketika mentari mula tersenyum, seawal pagi lagi, Mak Miah sudah berada di perhentian bas Simpang Empat untuk menanti bas yang hendak bertolak ke pekan Keningau. Harapannya hanya satu, semoga dia dimurahkan rezeki hari itu.

"Mak cik, berapa harga seikat sayur ini?" Seorang gadis cantik menyapa Mak Miah.

"RM2.50," jawab Mak Miah sambil tersenyum gembira.

Ternyata nasib menyebelahi Mak Miah, jualannya laris sekali. Mak Miah berasa amat gembira. Dengan rezeki itu nanti bolehlah dia membeli beras dan barang keperluan dapur yang lain. Mak Miah memanjatkan syukur kepada Allah SWT.

Mentari terus bersinar, bilah-bilah hari terus beredar. Mak Miah memandang ke langit biru dengan harapan yang padu. Kelihatan, awan tidak berkabus, burung-burung pun bertebaran ke sana ke mari. Harapannya hanya satu, tak ingin menoleh pada sebuah tangisan yang berpanjangan. Apa pun alasannya, hidup mesti diteruskan. Mak Miah membulatkan tekad, ingin melakukan sesuatu yang termampu. Apapun alasannya, dia mesti merubah hidupnya. Tuhan tidak akan mengubah nasib umat-Nya, jika seseorang itu

tidak mahu mengubah nasibnya sendiri. Dia ingin menjadi manusia yang berani. Benarlah kata orang, jika ingin melakukan sesuatu kerja mestilah dimulakan dengan usaha yang bersungguh-sungguh, dan andai terlalu merendah diri sudah pasti segala apa yang dihajati tidak akan terlaksana. Mak Miah teringat kembali pesanan ibunya semasa zaman remajanya. Mak Miah kembali bersemangat menjalani titian kehidupan dengan penuh jati diri yang tinggi.

*****

"Miah! Miah!" Tiba-tiba dia terdengar suara memanggil namanya.

Mak Miah menoleh ke belakang. Kiah, jiran sekampungnya memang suka menjerit apabila memanggil.

"Lain kali, berilah salam dulu Kiah," sahut Mak Miah sambil melemparkan senyuman.

"Maafkan aku. Aku cuma mahu beritahu, kau ada memohon BRIMkah? Jika ada, marilah ke dewan Keningau tu, dengar khabar bantuan akan diagihkan pada hari ini."

"Eh! Apa benda BR1M 500 tu Kiah?" Mak Miah ternganga.

"Bantuan wang RM500.00 untuk orang yang berpendapatan rendah dan yang miskin macam kita ni," jawab Kiah dengan penuh semangat.

"Hem, bagus juga tu. Tapi, aku tak memohon." Tiba-tiba ada kerut di wajah Mak Miah.

"Tak mengapa, nanti aku tolong kau untuk memohon," ujar Kiah lagi. Bunga-bunga harapan kian bercambah di hati Mak Miah.

Selesai berurusan, Mak Miah kembali semula ke pasar. Semuanya kerana sesuap nasi. Seperti biasa, harapannya agar sayur-sayurannya laris terjual. Namun, dalam kemeriahannya menjaja, tiba-tiba dia jatuh pengsan. Orang ramai berpusu-pusu memberikan bantuan kepada Mak Miah. Akhirnya, Mak Miah dibawa pulang oleh seorang wanita.

Tidak lama kemudian, Mak Piah tersedar. Perlahan-lahan dia membuka matanya. Matanya berkelip-kelip kerana silau oleh cahaya lampu.

'Aku di mana ni?' bisik hati Mak Miah.

Cantik benar suasana di kamar itu. Rasa cukup selesa tidur di atas tilam yang empuk itu. Tidak seperti di rumahnya. Tiba-tiba pintu dibuka, seorang gadis masuk membawa makanan.

"Selamat pagi nek," sapa gadis itu dengan penuh mesra. Mak Miah tersenyum. Namun ada bebayang kebimbangan pada raut wajahnya.

"Jangan takut nek. Nenek sekarang berada di rumah saya. Kelmarin nenek jatuh pengsan di pasar Keningau," kata gadis itu lagi.

"Terima kasih kerana bersusah payah menolong nenek. Siapa nama anak?"

"Sama-sama. Nama saya Lisa. Ini rumah saya. Mari saya suapkan nek." Lisa menyuap Mak Miah dengan penuh kasih sayang.

"Sunyi saja rumah ni, emak dan ayah Lisa di mana?"

"Mak pergi ke London. Mak Lisa seorang ahli perniagaan, minggu depan baru mak pulang. Buat sementara waktu, biar nenek tinggal di sini saja ya." Tambah Lisa.

"Terima kasih. Tapi, nenek bimbang nanti orang tua Lisa akan marah pula." Tambah Mak Miah sambil melihat keadaan rumah yang serba mewah itu.

Tiba-tiba Mak Miah terpandang potret di atas meja. Wajah itu seiras benar dengan Melda.

"Lisa, boleh nenek tanya siapa di dalam gambar itu?" soal Mak Miah.

"Oh, itulah mak Lisa. Insya-Allah, esok bolehlah nenek jumpa dengan mak," jawab Lisa. Mak Miah terkejut, takdir Tuhan tiada siapa yang menduga. Rupanya, Melda sudah berumah tangga dan mempunyai seorang anak dara yang manis. Sungguh cepat masa beredar.

Mak Miah cuba menyembunyikan kegusaran hatinya. Tak sabar pula dia hendak menemui Melda, tetapi mahukah Melda menemuinya?

"Nek, mari sarapan." Ajak Lisa sambil menuang kopi. Sedang Mak Miah menghirup kopi panas itu, tiba-tiba sebuah kereta memasuki halaman rumah. Seorang perempuan berkaca mata hitam keluar dari kereta bersama-sama seorang lelaki yang tampan.

"Nek, itu mak dan ayah Lisa."

"Ya?" kata Mak Miah sambil tersenyum. Mak Miah melihat anaknya Melda dengan penuh gembira.

"Melda!" Mak Miah segera memeluk Melda.

"Lisa, siapa orang tua ni?" tanya Melda dengan penuh kehairanan.

"Melda tak kenal lagi dengan mak ke?" tanya Mak Miah kepada Melda.

"Hei! Perempuan gila! Bila masa aku mempunyai emak macam kau, sial." Melda dengan sombongnya mengungkapkan kata-kata yang tak seharusnya diucapkan.

"Melda, ini mak nak. Mak yang memungut dan membelamu dahulu. Sampai hati Melda sudah melupakan mak." Mak Miah sedih tiada taranya.

"Perempuan gila. Pergi!" Melda menolak Mak Miah. Mak Miah tersungkur ke lantai lalu terhantuk di bucu meja.

"Mak, mengapa buat nenek macam ni?" jerit Lisa sambil membantu Mak Miah.

"Melda sudah lupakah kau pada mak?" tanya Mak Miah lagi.

"Mak, benarkah apa yang dikatakan oleh Mak Miah? Mengapa mak tak mahu mengaku?"

"Aku tidak mempunyai emak seperti kau! Perempuan gila! Pergi mampus. Keluar!" jerit Melda lagi.

"Agh! Pergi! Pergi!" Melda terus menjerit.

"Baiklah Melda. Mak gembira dan bersyukur kerana akhirnya doa mak telah dimakbulkan Tuhan. Akhirnya mak dipertemukan juga denganmu. Sekurang-kurangnya mak tahu Melda masih hidup lagi. Rupanya kau sudah hidup senang-lenang. Kalau Melda tak mahu mengaku mak ni orang yang pernah membela dan memberikan kasih sayang, biarlah mak pergi. Mak sedar, mak orang miskin. Tidak layak untuk diakui sebagai orang tuamu." Bersama-sama kesedihan Mak Miah melangkah pergi.

Tanpa ada setitis belas kasihan, Melda membiarkan Mak Miah berlalu pergi.

Peristiwa semalam masih meninggalkan kesan kepada Mak Miah. Hancur hatinya tidak terkata. Namun, Mak Miah tetap memanjatkan doa agar Melda bahagia dengan kehidupannya.

*****

Bunyi enjin kereta memecahkan lamunan Mak Miah. Mak Miah keluar ke anjung rumah. Hatinya berdetik, 'Siapakah yang bertandang di teratak usangnya itu.'

"Nek." Lisa segera mendapatkan Mak Miah.

"Mak. Maafkan Melda mak. Kerana kilauan emas dan permata, Melda melupakan mak dan menjadi anak derhaka. Melda sedar, sesungguhnya syurga terletak di telapak kaki ibu. Ampunkan Melda mak. Melda banyak berdosa pada mak. Melda rindukan mak." Melda mencium tangan Mak Miah. Ratapnya meruntun hiba. Mak Miah turut menangis.

"Mak ampunkan Melda. Mak juga rindukanmu sayang. Sudahlah. Buang yang keruh ambil yang jernih." Tangis Mak Miah sambil mencium wajah Melda. Wajah yang sekian lama dinantikan hadirnya.

Di penghujung senja yang merah Mak Miah menutup tirai matanya dengan penuh pengabadian. Beburung yang berkicau kian sayu, seolah-olah mengucapkan selamat jalan kepada penderitaan Mak Miah, malam pun terus melabuhkan tirainya. W

Sesekali

Sesekali aku ingin mencium bau mama, menikmati masakan mama.
Mendengar leteran mama, merasa cubitan mama. Namun benua ini jadi pemisah.
Sedari kecil, remaja dan meningkat dewasa hingga berumah tangga, mama sentiasa penuh dengan pesan dan omelannya.
Aku terkadang bosan, jenuh, kebas dengan segala situasi.
Namun kugagah jua menerimanya.
Terkadang aku rimas dengan amanat, petua dan wasiatnya.
Demi menjaga hatinya, kuturutkan jua, walau terkadang teramat payah memikul segala yang dipesan.
Pintanya padaku, pabila termateri dirimu berstatus isteri, taatlah pada suami, rapikan diri, hiasi rumah tangga dengan tangis dan tawa zuriatmu.
Tumpahkan segala ajaran mama dari dapur hingga ke kamar tidur.
Ingat air tangan isteri adalah azimat paling kuat dalam mendakap hati.
Perut dan naluri seorang suami. Walau rumahmu tidak semewah mana, namun bersih, kemas dan wangi setiap hari.

Dapurmu perlu sentiasa ceria, bawang putih, bawang merah, halia, serai, lengkuas, lada dan segala ramuan masakan mesti sekata dan perlu bersama.
Garam dan gula penyeri sajianmu.
Ruang tamumu hiasilah dengan kadar yang termampu, walau dengan sekuntum bunga.
Hindari sang habuk dan segala bauan yang merimaskan.
Jangan lupa bilik mandimu, biarkan dia bersinar dan sentiasa harum semerbak.
Kamar tidurmu, mahligai beradu kala kau penat seharian, segala rahsia simpan di sana.
Indahkan dia dengan segala keselesaan.

Anak-anakmu, hargai pemberian yang sangat bernilai ini.
Anugerah daripada-Nya untukmu yang terpilih sebagai seorang ibu.
Jika nakalnya tiba, belailah, nasihatlah, peluklah dan katakan pada anak-anakmu 'kalianlah permata hati ibu'.
Suamimu hormati, dalam begitu ramai wanita, dirimu menjadi surinya.
Tatanglah dia, lengkapi hidupnya.
Ingat anakku, bukan mudah menjadi isteri dan ibu mithali.
Namun sesekali jangan lupa ayah dan ibu yang telah menatangmu sedari kecil.
Doa mereka memberkati hidupmu.

Mampukah aku menjadi yang terbaik?
Namun aku pasti doa dan amanat mama sentiasa menemaniku.

Lailah Elok

Kuasa Kata, Kuasa Rasa

oleh **ZAITON AJAMAIN**

"Perbincangan tentang hubungan tatabahasa dengan karya sastera sebenarnya perbincangan tentang gaya bahasa …."
"Puisi ialah karya sastera yang paling memerlukan daya tarikan yang datang daripada manipulasi bahasa …."

"… Puisi ialah karya sastera yang paling memerlukan daya tarikan yang datang daripada manipulasi bahasa…." Unsur gaya bahasa seperti metafora, personifikasi, simile, simplok, dan responsi, lebih kerap ditemui dalam puisi berbanding prosa…."
(Sumber: Rahman Shaari, "Hubungan Tatabahasa dengan Karya Sastera", dalam *Pelita Bahasa*, Jun 2013, Ital.8 – 11).

"Satu Bahasa, Satu Bangsa, Satu Negara", demikian ungkapan yang telah dipilih untuk menjadi pembakar semangat, untuk menyampaikan harapan kepada seluruh rakyat Malaysia, program tahunan negara yang sangat penting – "Bulan Bahasa Kebangsaan".

Bagaimana satu ungkapan yang hanya mengandungi enam patah perkataan berupaya menyampaikan misi dan visi Dewan Bahasa dan Pustaka menyentuh aspek bahasa Melayu? Demikian "Kuasa Kata" dan "Kuasa Rasa".

Bersempena Bulan Bahasa Kebangsaan, kali ini, pencerapan dan pencerakinan tiga puisi pilihan difokuskan kepada aspek bahasa dalam penciptaan puisi. Pengkhususan ialah aspek metafora.

Sebuah puisi terhasil apabila pengarang ingin mengongsikan reaksinya terhadap sesuatu isu - melalui pemilihan tema dan persoalan. Perkara yang telah dipilih itu tentunya telah menggetarkan seluruh emosi pengarang, maka berlakulah proses perenungan, pencerapan – penanggapan, diikuti pencerakinan – analisis, disusuli penciptaan. Selepas ini apakah yang diperlukan? Kata-kata, diksi, yang kemudian menjadi ungkapan.

Kali ini, fokus adalah kepada metafora. Dengan "metafora" yang dimaksudkan ialah "pemakian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yang berkenaan (sebagai perbandingan atau kiasan).

(*Kamus Dewan*, Edisi Keempat, 2005).

Tiga buah puisi yang "dibaca" kali ini ialah: "Inspirasi" karya Ruhaini Matdarin, "Kita dan Ketam Batu" oleh Ramzah Dambul, dan "Saat Aku Jadi Pengantin" nukilan Norgadis Labuan.

Adakah "Kuasa Kata", "Kuasa Rasa" dalam ketiga-tiga puisi yang dipilih untuk melalui proses cerap dan cerakin? Adakah ditemui metafora?

Bagi "Inspirasi"' jika kita tidak terbaca kata "Inspirasi", tentulah kita tanggapi puisi ini sebagai "sesuatu" yang: "mengalir", "mati di pohon tunas", "menetas", "bergegas", "kutangkap kau hingga lemas". Namun demikian, dari larik pertama hingga ke-II, jelas puisi ini tentang proses penciptaan sesebuah karya, yang bergantung pada "idea". Sungguhpun demikian, ada beberapa pemilihan kata yang kurang nilai keindahan pengucapannya. Mungkin jika berlaku beberapa pemurnian akan menyerlah keindahannya.

Adakah "Kuasa Kata", "Kuasa Rasa" dalam ketiga-tiga puisi yang dipilih untuk melalui proses cerap dan cerakin? Adakah ditemui metafora?

"Kita dan Ketam Batu" karya Ramzah Dambul ini, mengungkapkan panorama di tepi pantai. Pemilihan kata atau diksi yang baik, pembentukan ungkapan yang indah mudah dikesan, menjadikan puisi ini mudah ditanggapi. Bercerita tentang alam, laut sangat mudah bagi Ramzah Dambul yang berlatar belakangkan alam, oleh sebab inilah kepakarannya. Ungkapan seperti "buih-buih terapung", "gelora ombak", "sunyi yang luas", "samudera nan kelam", "hamba sepi".Seperti puisi "Inspirasi", "Kita dan Ketam Batu" juga mudah ditanggapi. Pilihan kata juga tepat namun tidaklah ia sarat dengan metafora.

Sementara itu, Norgadis Labuan memilih untuk mengungkapkan tentang "Saat Aku Jadi Pengantin". Pada pembacaan lapisan pertama atau "*Surface Structure*"

Puisi yang mengandungi enam stanza ini sangat mudah untuk dibaca. Menepati tajuknya, kata demi kata, baris demi baris, dan stanza demi stanza, mengungkapkan tentang "Saat Aku Jadi Pengantin". Stanza 1 – 5, ialah persiapan – "dimandikan seluruh tubuh", stanza 2: "dipakaikan gaun putih", stanza 3: "dimahkotakan di kepala", stanza 4: "diusung dan diarak menuju pelamin". Stanza 5: "menghantar aku buat kali terakhir". Namun demikian, stanza 6: ungkapan: "apabila kadi liang lahat/berjabat mesra dengan pasanganku/yang disaksikan tiang-tiang nisan/penuh makna dan rahsia".

Demikian, "Kuasa Kata" berupaya mengungkap rasa – "Kuasa Rasa". Pada masa yang sama, penguasaan bahasa berupaya menyerlahkan lagi "kehalusan budi". Penggunaan kata yang membawa makna atau maksud lain boleh dikesan dalam ketiga-tiga puisi ini. W

Tema Primer dalam Sastera

oleh **S.M. ZAKIR**

Keluarga adalah unit primer dalam masyarakat. Dalam masyarakat yang terbangun oleh hubungan sosial dan akhirnya menumbuhkan peraturan, norma dan nilai; keluarga merupakan unit asas atau disebut sebagai *primate order*. Pembinaan sesebuah masyarakat bermula daripada unitnya yang asas, iaitu keluarga. Dalam sastera, tinjauan terhadap persoalan kekeluargaan akhirnya akan membukakan pembaca terhadap sisi budaya sesebuah masyarakat. Apa yang berlaku dalam sebuah keluarga akan memperlihatkan amalan budaya sesebuah masyarakat yang ditempati oleh keluarga tersebut; sekali gus menampilkan emosi, fikiran, norma dan nilai yang mewakili sesebuah masyarakat itu sendiri. Keluarga menjadi unit primer yang penting dalam bidang ilmu sosiologi, juga bidang ilmu antropologi. Dalam sastera, tema kekeluargaan juga menyangkut kepentingan dalam melihat suasana dan budaya masyarakat. Apa yang berlaku dalam keluarga Lahuma dan Jeha dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* juga memperlihatkan budaya dan pemikiran masyarakat Melayu agraria di pedesaan yang hidup bergantung kepada sawah padi dalam konteks ekonomi pertanian. Begitu juga dalam banyak karya sastera lain yang mengangkat tema pergolakan dan persoalan keluarga.

Ketiga-tiga buah cerpen yang dibicarakan kali ini juga mengangkat tema kekeluargaan yang menjurus kepada soal penceraian ibu bapa yang memberikan kesan kepada anak-

anak sekali gus meruntuhkan institusi keluarga yang menjadi unit primer dalam masyarakat. Ketiga-tiga cerpen membicarakan tentang kesan daripada keruntuhan institusi keluarga akibat penceraian. Hal ini dilihat penting walaupun persoalan ini mungkin dilihat klise. Ini adalah kerana keruntuhan institusi keluarga akan membabitkan kesan jangka panjang terhadap perkembangan masyarakat sekali gus mengakibatkan wujudnya trauma tersembunyi dalam tubuh masyarakat. "Apabila Takdirnya" oleh Sitti Rahmah G. Ibrahim mengisahkan dilema Aku, anak lelaki berusia 20 tahun dan adiknya Niah, gadis berusia 17 tahun menghadapi kesedihan ibu dan 'kehilangan' ayah oleh kerana perkahwinan kedua ayah dengan wanita muda. Banglo mereka sunyi dan keriangan selama ini seperti terbang hilang oleh perbuatan ayah. Ibu cuba menjadikan keadaan seperti biasa, tetapi Aku tahu ibu menyembunyikan kedukaannya. Malah ibu cuba meredakan apa yang berlaku. Aku terbenam dalam dilema. Sementara Niah meminta Aku, abangnya bertindak untuk 'mengambil dan mengembalikan' ayah kepada ibu dan mereka. Tetapi Aku mengambil keputusan untuk tidak derhaka. Cerpen ini ditamatkan dengan langkah ibu menuju ke arah mereka. Cerpen ini memberikan penyudah tentang bagaimana sebuah keluarga cuba mempertahankan institusi kekeluargaan dalam menghadapi saat yang paling sukar oleh tindakan ketua keluarga itu sendiri. Maka ahli-ahli keluarga menyatukan diri mereka dengan lebih akrab dan mempertahankan institusi itu agar tidak runtuh dan terus berdiri dengan ketabahan serta keredaan mereka.

Dalam sastera, tema kekeluargaan juga menyangkut kepentingan dalam melihat suasana dan budaya masyarakat. Apa yang berlaku dalam keluarga Lahuma dan Jeha dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* juga memperlihatkan budaya dan pemikiran masyarakat Melayu agraria di pedesaan yang hidup bergantung kepada sawah padi dalam konteks ekonomi pertanian.

Cerpen "Di Penghujung Senja" oleh Rozeline Vitalis mengisahkan tentang Mak Miah yang hidup sebatang kara. Mak Miah pernah memungut anak yang terbuang lalu dijadikan anak angkat yang dilayan sebagai anaknya sendiri, iaitu Melda. Namun setelah besar dan mengetahui siapa dirinya, Melda lari meninggalkan Mak Miah. Dunia yang kecil mempertemukan kembali Melda dengan Mak Miah melalui anak Melda iaitu Sarah. Sarah menemui Mak Miah yang pengsan di pasar lalu membawa Mak Miah pulang ke rumah. Di situ Mak Miah dapat menjejaki dan menemui semula Melda. Namun oleh kerana malu Melda tidak mengaku Mak Miah sebagai ibu yang membelanya sebaliknya menghina dan mencemuh Mak Miah. Mak Miah keluar dan pulang ke rumah. Tetapi Melda menyesal lalu kembali memohon ampun kepada Mak Miah. Cerpen ini diakhiri dengan penyudah yang gembira dengan Melda kembali kepada Mak Miah, dan Mak Miah menutup mata dengan bahagia. Cerpen ini mengangkat pergolakan dalam institusi keluarga yang tidak sempurna, iaitu ibu tunggal yang diceraikan kerana tidak mampu memberikan zuriat. Mak Miah kemudian

membina keluarga asas dengan mengambil anak pungut sebagai anaknya sendiri dan berhempas pulas mencari kebahagiaan keluarga dengan kenangan dan satu-satunya 'zuriat', iaitu anak angkatnya Melda. Cerpen ini memperlihatkan tentang suasana runtuhnya institusi keluarga akibat masalah biologikal iaitu ketiadaan zuriat. Tetapi memberikan alternatif bahawa keruntuhan ini boleh diatasi atau dibangunkan kembali dengan kewujudan institusi keluarga bukan bersifat biologikal, iaitu gambaran keluarga Mak Miah dan anak angkatnya Melda.

Cerpen terakhir "Rahsia *Emmak*" oleh Noraini Osman juga mengangkat persoalan keruntuhan institusi keluarga oleh perceraian *emmak* (ayah) dan *onggok* (ibu). Aku@ Adawiyah yang menyimpan dendam kecewa kerana *emmak* meninggalkannya serta *onggok* tanpa khabar berita sejak belasan tahun yang sudah kini diminta oleh *onggok* sendiri untuk menemui *emmak* yang sakit setelah diberitahu oleh *Ombok* Yam (nenek), ibu *emmak*. Aku berbelah bahagi untuk pergi tetapi akhirnya melangkah juga untuk menemui *emmak*. Aku disambut dengan penuh kegembiraan oleh *emmak*, Aku terharu tetapi pada masa yang sama masih tidak dapat memaafkan *emmak*. Apabila Aku bertanya tentang punca perceraian *emmak* dan *onggok*, *emmak* terus menyembunyikannya. Setelah *emmak* meninggal dunia, baru *Ombok* Yam menceritakan bahawa *emmak* dipaksa oleh orang tua *onggok* untuk menceraikan *onggok* kerana tidak dapat menerima lelaki miskin seperti *emmak*. Aku menjadi sangat terharu kerana menyimpan prasangka kepada *emmak*, ayahnya sendiri yang bernasib malang. Cerpen ini seperti juga cerpen "Di Penghujung Senja" memainkan emosi kesedihan pembaca, tetapi berbeza dalam bahagian penyudahnya dengan emosi pembaca terus dimainkan oleh kematian *emmak* yang menyimpan peristiwa tanpa memberitahu sesiapa kerana menjaga cintanya kepada *onggok* dan anaknya Aku@Adawiyah. Dalam aspek sosiologi tadi, cerpen ini juga memperlihatkan bagaimana sebab ekonomi juga menjadi faktor keruntuhan institusi keluarga. Faktor kemiskinan *emmak* membuatkan dia dipaksa menceraikan *onggok*, isterinya dan dipisahkan daripada anaknya sendiri. Cerpen ini berjaya memberikan kesan emosi yang baik, walaupun penataan ceritanya masih agak klise.

Ketiga-tiga buah cerpen ini mungkin dilihat menata cerita-cerita yang agak klise, tetapi pada masa yang sama mempunyai kekuatan yang tersendiri dengan binaan bahasa, cerita dan kesan emosi yang meyakinkan. Namun ketiga-tiga cerpen ini dapat diangkat untuk dilihat bagaimana tema kekeluargaan yang disebut sebagai tema primer tersebut memperlihatkan tentang kewujudan dan keruntuhan institusi keluarga juga berkait dengan faktor persekitaran dan semula jadi. Kewujudan institusi keluarga adalah proses sosial yang wajar dalam membina masyarakat. Namun institusi keluarga ini juga akan mengalami keruntuhan oleh faktor-faktor tertentu, dan memberi kesan kepada keseimbangan masyarakat. Hal ini dilihat penting dalam mengulas tema kekeluargaan dalam ketiga-tiga buah cerpen ini. Keruntuhan institusi keluarga dalam ketiga-tiga cerpen ini dilihat diakibatkan oleh faktor persekitaran seperti keinginan seorang lelaki kaya dalam cerpen "Apabila Takdirnya", faktor semula jadi seperti masalah biologikal dalam cerpen "Di Penghujung Senja", dan faktor ekonomi dalam cerpen "*Rahsia Emmak*". Secara keseluruhannya, ketiga-tiga cerpen ini dapat dilihat menjadi sumber kepada usaha untuk memahami bagaimana institusi keluarga menjadi unit penting dalam pembinaan masyarakat, dan persoalan keruntuhan institusi keluarga ini harus dipandang serius dengan menangani faktor-faktor perpisahan suami isteri. *W*

Mulanya Kehidupan Bukan Pengakhiran

Hilir menanti
ke tepian merangkak di dalam air
ke mana haluan untuk berpaut
banyak kayu terapung di sekitar
mungkin kayu-kayu kecil
bernasib baik jikalau balak menasihatimu.

Di sana belum pasti
jikalau di sini termangu-mangu
banyak bertebaran sekelilingmu di sini
tak akan habis dibelai
walau tamat tempohmu
sehingga pada akhir detik makhluk ini.

Pastinya pujuklah perlahan detikmu ini
semoga dia juga melayanimu
bukan untuk sesiapa
di sana butiran gembira menanti
jika amanahmu pasti
abadi di sana sejak mulanya kehidupan
bukan pengakhiran.

Khair Hudsufi

Luka

-i-
Pedih menjalari segenap rasa.
Namun kubiarkan saja asal
tidak bernanah.
Kelakkan terubat jua
mengalir lesu lemah
beredar bersama-sama masa
mendap diam menghuni ingatan.

Ke belakang ...
Takkan ku berpaling.

-ii-
Kini hati mula letih
menggali mencari
siapa akrab siapa jauh
siapa dekat siapa setia.

-iii-
Betapa tikaman halimunan
tepat di belakang pedih sakit.
Biarpun hanya mengawang di udara
dihembus lewat kata-kata
yang meniti dari bibir ke bibir
namun tembus langsung
melukai hati.

Manis?
Ah, dusta!

Ara Aranam

Seminar Antarabangsa Pengajian Melayu 2014

oleh **RUSDI AWANG**

Seminar Antarabangsa Pengajian Melayu telah diadakan pada 9-11 September 2014, di Hotel Perkasa, Keningau. Seminar ini dianjurkan bersama oleh Institut Pendidikan Guru Kampus Keningau, Sabah, Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI), dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Tema seminar ini ialah "Patriotisme dalam Karya".

Dalam seminar tersebut sebanyak 38 kertas kerja telah dibentangkan, termasuk tiga ucap utama yang disampaikan oleh Datuk Dr. Haji Awang Sariyan, Ketua Pengarah DBP, Sasterawan Negara Prof. Dr. Muhammad Haji Salleh dan Datuk Aziz bin Ujang, Pengurus Besar Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).

Majlis perasmian seminar telah disempurnakan pada 9 September 2014 oleh Yang Berhormat Datuk Haji Arifin bin Mohd. Arif, Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah yang mewakili Ketua Menteri Sabah. Seminar ini juga turut dihadiri oleh YB Senator Tan Sri Mohd. Ali Rustam, Presiden DMDI. W

Simposium Penulis Wanita Sabah 2014 "Wanita Pendukung Aspirasi Negara"

oleh **NOORZANANI HAJI KATA**

Pada 20 September 2014, di Dewan Amil Jaya, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sabah telah berlangsung Simposium Penulis Wanita Sabah 2014. Simposium ini merupakan salah satu daripada pengisian sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri Sabah 2014. Antara objektif simposium ini diadakan adalah untuk; menghimpunkan para penulis wanita Sabah daripada kalangan penulis veteran dan remaja untuk berkongsi pengalaman dan genre penulisan, dan mendokumentasikan hasil karya mereka setelah menyertai program ini, mempromosikan penulis wanita yang telah mencapai kejayaan melalui bidang penulisan dan merealisasikan konsep penulisan dalam pelbagai cara dan juga pelbagai bentuk bacaan.

Simposium yang dianjurkan bersama oleh Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS), Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA), DBP Cawangan Sabah dan Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah (KESUMBA) ini telah berjaya menghimpunkan penulis-penulis veteran dan baharu, penggiat seni, para peminat sastera, serta semua kelompok masyarakat daripada peringkat pelajar, kakitangan kerajaan, dan masyarakat umum. Hadirin sangat bertuah kerana disajikan ilmu yang sangat bermanfaat daripada empat orang pembentang kertas kerja yang sangat berkaliber dalam bidang masing-masing, iaitu Dr. Asmiaty Amat, Dr. Hajah Zaiton Haji Ajamain, Azizah Haji Itam dan Ramlee Awang Mursyid.

Selain itu, bersempena dengan Simposium ini juga tiga anugerah disampaikan, iaitu Anugerah Srikandi Kencana, Anugerah Srikandi Media dan Anugerah Srikandi Kreatif. Anugerah ini merupakan pendekatan dan manifestasi untuk menyatakan kebanggaan dan terima kasih serta pengiktirafan kepada wanita yang selama ini banyak terlibat dalam dunia penulisan.

Anugerah Srikandi Kencana diberikan kepada seorang tokoh wanita yang memberikan sumbangan cemerlang dalam

perkhidmatan awam kerajaan negeri dan persekutuan sebagai ketua organisasi dan melaksanakan pembangunan sahsiah wanita secara keseluruhannya. Berjaya menerbitkan karya kreatif/bukan kreatif dalam bahasa Melayu dan dikenali sebagai tokoh yang sering memperkatakan kepentingan bahasa dan sastera Melayu sebagai alat perpaduan rakyat Malaysia. Penerima anugerah ini ialah Datuk Hajah Noraini Datuk Seri Panglima Haji Salleh.

Anugerah Srikandi Media diberikan kepada seorang tokoh wanita yang memberikan sumbangan terhadap perkembangan bahasa dan sastera melalui media penyiaran elektronik atau media cetak di negeri Sabah. Calon dikenali sebagai penyiar media cetak dan elektronik dan pernah memenangi sekurang-kurangnya satu anugerah sebelum ini. Hasil kerja calon mencerminkan penguasaan yang baik dalam bahasa Melayu dan sering menggunakan tamsilan-tamsilan berbentuk sastera dalam hasil kerjanya. Wanita bertuah yang menerima anugerah ini ialah Hajah Azizah Haji Itam.

Anugerah Srikandi Kreatif diberikan kepada seorang sasterawan wanita yang berjaya menghasilkan karya sastera secara prolifik serta meraih beberapa anugerah. Tokoh yang akan dicalonkan tanpa mengira status penulis baharu atau veteran dan fokus penilaian akan mengambil kira jumlah hasil karya yang sudah terdapat di pasaran serta penghargaan yang diterima. Keutamaan akan ditumpukan kepada karya yang dihasilkan dalam bahasa Melayu. Wanita kreatif dan bertuah yang menerima anugerah ini ialah Azmah Noordin.

Penyampaian anugerah kepada penerima anugerah dan penutupan rasmi Simposium Penulis Wanita Sabah 2014 telah disempurnakan oleh Datuk Hajah Siti Sapoo Haji Ahok, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Sabah yang mewakili YB Datuk Hajah Jainab Datuk Seri Panglima Haji Ahmad Ayid, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Sabah. Turut hadir dalam majlis yang berprestij ini ialah Datuk Mariati Robert, Peguam Besar Negeri Sabah merangkap Pengerusi Majlis Penasihat Wanita Sabah, Datuk Asnimar Haji Sukardi, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Hajah Fatimah Jafar, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah dan Hajah Asmiah Haji Ajamain, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah merangkap Pengerusi Bersama Simposium Penulis Wanita Sabah.

Dalam ucapannya, beliau menyatakan bahawa perubahan persekitaran dan kemajuan pesat ICT, secara langsung telah mempengaruhi landskap pemikiran masyarakat. Hari ini, dunia kesusasteraan semacam agak terpinggir kerana hambatan banyak tumpuan yang berfokus ke arah berlumba-lumba mengejar kemajuan. Kajian menunjukkan bidang kesusasteraan semacam mula tidak mendapat tempat dalam kalangan generasi muda. Kebimbangan mula wujud apabila sudah ada sekolah yang tidak lagi menawarkan mata pelajaran sastera diajar di sekolah. Justeru, usaha-usaha perlu dilaksanakan agar dunia kesusasteraan ini masih mendapat tempat di hati warga Malaysia. Pelaksanaan Simposium Penulis Wanita Sabah 2014 ini menjadi wadah pelestarian dunia kesusasteraan. Beliau berharap para peserta tanpa mengira bangsa, budaya dan status pendidikan sentiasa terus melestarikan dan memulihara seni kesusasteraan. Beliau turut menyatakan bahawa majlis ilmu seumpama ini akan menjadi wadah pencetus kesedaran dalam kalangan warga Malaysia agar tidak memperlekeh sastera tanah air. Menurut beliau lagi, projek seumpama ini perlu disempurnakan dengan penuh kesedaran dan iltizam kebangsaan. *W*

Bengkel Penyediaan Novel Kanak-kanak

oleh **FARIDAH ABDUL HAMID**

Bengkel Penyediaan Novel Kanak-kanak yang telah dilaksanakan oleh Unit Penerbitan DBP Cawangan Sabah pada 6 September telah dihadiri 14 orang peserta yang dipilih dalam kalangan pemenang peraduan dan penulis yang berkebolehan. Pemilihan khusus ini bertujuan agar peserta yang hadir dapat menghasilkan manuskrip novel kanak-kanak mengikut masa yang telah ditetapkan. Kaedah ini amat sesuai agar setiap bengkel yang diadakan memberi impak dan pulangan positif dalam perkembangan dan penerbitan karya sastera. Manuskrip yang terhasil daripada bengkel ini juga akan dapat memenuhi matlamat menghasilkan lebih banyak lagi karya sastera kanak-kanak terutamanya berdasarkan olahan semula cerita rakyat Sabah.

Sebelum bengkel ini diadakan, para peserta telah diberikan tajuk khusus lebih awal hasil peraduan Menulis Semula Cerita Rakyat Negeri Sabah 2009. Para peserta dikehendaki membina plot terlebih dahulu agar dapat dibincangkan ketika bengkel. Proses ini dapat mempercepatkan proses penyediaan manuskrip.

Antara objektif bengkel ini ialah mendedahkan para peserta kepada konsep buku kanak-kanak, serta perkembangannya di Malaysia serta peringkat antarabangsa. Para Peserta akan mengetahui dan memahami aspek khusus tentang jenis dan bentuk novel kanak-kanak. Panduan ini amat penting bagi memastikan para peserta menghasilkan manuskrip mengikut yang dikehendaki dan berpotensi diterbitkan.

Para peserta telah dibimbing oleh Puan Azmah Nordin, Munsyi (Sastera) DBP dan penerima *S.E.A Writes Awards*. Pemilihan beliau amat sesuai bukan sahaja kerana pencapaian tingginya dalam bidang sastera tetapi keupayaan beliau dalam penghasilan novel kanak-kanak terutamanya cerita rakyat Sabah.

Para peserta telah membentangkan dan berkongsi sinopsis dan plot novel masing-masing. Sumbang saran dalam kalangan para peserta dan pembimbing berjaya memurnikan cerita rakyat tersebut agar sesuai untuk diterbitkan.

Dalam majlis penutupan bengkel, Asmiah Haji Ajamain, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah (DBPCS) mengucapkan terima kasih kepada para peserta kerana telah menyahut cabaran tersebut. Beliau menyatakan, DBPCS akan terus bergerak untuk memperbanyakkan hasil penerbitan di Sabah. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada para penulis di Sabah kerana telah banyak membantu DBCS dalam merealisasikan tujuan itu. Majlis ditutup dengan penyampaian sijil kepada para peserta. *W*

Pemasyarakatan Sastera dan Remaja dalam Kalangan Kanak-kanak dan Remaja

pengulas **KHAIRUNNISA A.S**

Penerbitan cerita-cerita rakyat dalam bentuk buku kanak-kanak sebagai bahan dokumentasi dan kajian telah diusahakan oleh DBP Cawangan Sabah melalui kerja-kerja pengumpulan dan perakaman sastera rakyat bermula pada tahun 1977. Melalui penerbitan seumpama ini usaha untuk menambahkan khazanah buku khusus dalam bidang sastera rakyat Sabah dan seterusnya pemasyarakatan sastera dalam kalangan kanak-kanak dan remaja dapat dilestarikan.

JUDUL: Cerita Rakyat Sabah Puteri Bongsu dan Suluwaden
PENULIS: Ruhaini Matdarin
HARGA: RM 8.00
TAHUN TERBIT: 2014

Tujuh orang puteri bersaudara dari kayangan turun mandi manda di negeri Inderaloka. Gelagat mereka diperhatikan oleh Suluwaden. Suluwaden amat tertarik dengan Puteri Bongsu lalu dia menyorokkan sayapnya. Akibatnya, Puteri Bongsu tidak dapat pulang ke kayangan. Suluwaden pun membawa Puteri Bongsu ke rumah dan memperkenalkan Puteri Bongsu kepada ibunya, Mak Tejah. Keenam-enam kakak Puteri Bongsu pula tidak datang-datang membawa sayap yang baharu untuknya. Akhirnya, Puteri Bongsu pun berkahwin dengan Suluwaden. Pada suatu hari, Puteri Bongsu terjumpa semula sayapnya di dalam hutan, Dia pun pulang ke kayangan dengan janji akan kembali kepada suaminya suatu hari kelak. Setelah beberapa lama, Puteri Bongsu tidak juga kunjung tiba. Maka, Suluwaden pun mengembaralah ke kayangan. Berbagai-bagai rintangan yang dihadapinya semasa pengembaraan tersebut. Dapatkah Suluwaden sampai ke kayangan untuk bertemu dengan isteri kesayangannya? W

JUDUL: Kumpulan Cerita Rakyat Sabah
Puteri Bintang Terang
PENULIS: Kasima Salinri et.al
HARGA: RM 8.00
TAHUN TERBIT: 2014

Puteri Pucuk Kelumpang, anak yang dinanti-nantikan oleh ayahanda dan bondanya. Ketika bondanya mengandungkannya, ayahandanya bersumpah untuk menyumpit anak yang lahir itu sekiranya perempuan, kerana Raja sangat menginginkan seorang putera. Selepas itu, ayahandanya pergi berlayar. Apabila hari kelahiran tiba, bondanya melahirkan seorang anak perempuan. Oleh sebab tidak mahu puteri dibunuh maka dibinalah sebuah mahligai setinggi tujuh tingkat untuk puteri tersebut.

Puteri Pucuk Kelumpang bersemayam dan membesar di tingkat yang ketujuh. Rakyat jelata diminta merahsiakan kewujudan puteri ini. Apabila raja kembali, baginda akhirnya mengetahui akan kewujudan puterinya. Walaupun berat Raja terpaksa melaksanakan sumpahnnya. Puteri pun dipanggil turun dan Raja terpegun dengan kejelitaan puterinya. Sanggupkah Raja menunaikan sumpahannya? Apakah pula nasib Puteri Pucuk Kelumpang?

Puteri Bintang Terang salah sebuah cerita yang menarik dalam antologi cerita rakyat Sabah ini. Terdapat sembilan buah lagi cerita yang menarik dalam antologi ini, iaitu Nunuk Ragang, Si Talak, Bintang Tanggung, Kisah Si Agan dengan Puteri, Puteri Raja dan Si Pungut, Si Kinawa, Si Vagu dan Janggut Ajaib, Bayu dan Durian, dan Manusia, Gergasi dan Pelanduk. W

Pulanglah Sebuah Hayat

Langit pun berduka
tika jasadmu kian dingin
dan bekulah seluruh kata jiwa
yang mengalir di hujung jemarimu
... kutahu tiada sapa lagi
daripada mesra senyum seorang
Jair Sulai
hanya tinggal nama
dan aksara bertata indah
sebagai khazanah negara.
Berpulanglah dalam rahmat-Nya
saudaraku ....

Noor Aisah Maidin

Sungai Hayat

ini sungai berliku
airnya sekeras batu
arusnya mata pisau
muaranya tanda tanyaku.

dengan nyali keyakinan
di sini kukayuh sampah harapan
pada airnya kusaring kelembutan
pada arusnya kujaring kebeningan.

ini sungai berliku
mengapungkan degup rinduku
mengalirkan pijar cintaku
ke samudera Maha Khalikku.

Jair Sulai

AL-FATIHAH

"Sesungguhnya kami milik Allah SWT,
dan kepadanya kami kembali".

JAIR SULAI
(1968-2014)
Pengarah dan Staf Dewan Bahasa Cawangan Sabah
merakamkan ucapan takziah atas kembalinya ke Rahmatullah.
Semoga roh Allahyarham ditempatkan dalam kalangan solihin.

Ikrar Setia Bahasa

Kami, rakyat Malaysia,
berikrar akan terus setia memperjuangkan bahasa kebangsaan sebagai:

- Bahasa yang mencipta kedaulatan bangsa;
- Bahasa kesatuan politik, ekonomi, budaya, sosial, pendidikan, sains dan teknologi serta pembangunan negara yang menjamin kelangsungan bangsa Malaysia;
- Bahasa yang menjaga dan memupuk kebebasan intelektual serta memerdekakan pemikiran bangsa; dan
- Bahasa yang membawa, memelihara; mencipta, menyalurkan serta mengembangkan ilmu dan tamadun di negara dan di dunia.

Sesungguhnya, kami bertekad tidak akan berganjak daripada perjuangan ini.